



PENYATA RASMI PARLIMEN

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10115]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Keempat):

Jadual:

Maksud B. 15 hingga B. 21 [Ruangan 10144]

Maksud B. 22 [Ruangan 10156]

Maksud B. 23 [Ruangan 10194]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Keempat):

Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 [Ruangan 10144]

Maksud P. 22 [Ruangan 10156]

Maksud P. 23 [Ruangan 10194]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S. K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bharu).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG, s.m.s. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, s.p.d.k. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., s.p.d.k. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 16hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERATURAN KESELAMATAN
LAPANGAN TERBANG

1. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan betapa hebatnya kes-kes ramasan kapal terbang telah berlaku di seluruh dunia mengakibatkan terkorban banyak nyawa orang-orang yang tidak berdosa, apakah langkah-langkah yang positif dan berjaga-jaga telah diambil oleh pihak Kerajaan kita untuk mengatasinya supaya kejadian-kejadian yang kurang menyenangkan hati ini tidak berlaku.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerbangan Awam adalah ditugaskan untuk melaksanakan peraturan-peraturan keselamatan di semua lapangan terbang di Malaysia. Langkah-langkah biasa yang diambil mengenai keselamatan termasuklah pelaksanaan Undang-undang Kawasan dan Tempat Larangan dengan mengadakan kawasan-kawasan larangan di bahagian-bahagian tertentu di semua lapangan terbang-lapangan terbang dan mengadakan kawalan di pintu masuk keluar di tempat-tempat tersebut.

Jabatan ini juga telah melaksanakan peraturan-peraturan keselamatan yang dibuat oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa seperti mengadakan pagar dawai mengikut tinggi yang dikehendaki.

Selain daripada langkah-langkah biasa itu, Kementerian ini telah juga menubuhkan satu pasukan perkhidmatan keselamatan di bawah Jabatan Penerbangan Awam untuk mengendalikan hal-hal keselamatan di semua lapangan terbang-lapangan terbang di Malaysia.

Pada peringkat awal penubuhannya, Kerajaan telah meluluskan seramai 962 orang anggota untuk perkhidmatan ini. Semua 255 orang anggota telahpun dilantik dan ditugaskan di lapan belas buah lapangan terbang-lapangan terbang seluruh negara.

Kumpulan kedua anggota Perkhidmatan Keselamatan, iaitu seramai 240 orang telah dilantik dan telah mula menjalani latihan asas pada 21hb Oktober, 1979.

Tiga kumpulan lagi anggota Pembantu Keselamatan akan dipilih pada tahun 1980 untuk mengisi semua kekosongan yang ada.

Setelah semua anggota-anggota ini dilantik, mereka akan dihantar dan ditugaskan ke 45 buah lapangan terbang-lapangan terbang berjadual.

Di lapangan terbang-lapangan terbang anggota ini akan menjalankan pemeriksaan keselamatan termasuk pemeriksaan penumpang-penumpang dan beg-beg mereka. Untuk memudahkan pemeriksaan keselamatan dijalankan alat-alat keselamatan seperti mesin X-ray, beg dan pengesan logam, telah dipasang di semua lapangan terbang-lapangan terbang yang berperingkat antarabangsa dan lapangan terbang-lapangan terbang yang menggunakan kapal terbang jenis Boeing 737 dan F27. Dengan kegunaan alat-alat ini penumpang-penumpang dengan beg-beg mereka boleh diperiksa dengan cepat dan berkesan tanpa membuka beg-beg mereka.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa satu Pasukan Perkhidmatan Keselamatan telahpun ditubuhkan untuk mengendalikan hal-hal keselamatan di semua lapangan terbang-lapangan terbang. Di sini suka saya bertanya siapakah yang bertanggungjawab untuk memberi latihan kepada anggota-anggota pasukan itu dan adakah pihak berkuasa bercadang untuk melengkapkan anggota-anggota Pasukan Keselamatan dengan senjata yang moden.

Dato Lee San Choon: Orang-orang yang memberi latihan kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan ialah orang-orang yang mahir dalam mengawal keselamatan. Dan soalan yang kedua itu

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan melengkapkan senjatapi.

Dato Lee San Choon: Mereka akan dilatih untuk menggunakan senjatapi juga.

Tuan Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli dari Kuala Kangsar itu mengenai dengan langkah-langkah untuk mengelakkan terkorban banyak nyawa dalam penerbangan awam. Salah satu langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya terkorban nyawa orang yang menumpang dalam penerbangan udara ialah dengan melarang sebarang orang membawa senjatapi dalam kapalterbang. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan adakah larangan ini juga dibuat terhadap pengawal-pengawal VIP yang menaiki kapalterbang sekarang ini?

Dato Lee San Choon: Ada kepada semua penumpang-penumpang kapalterbang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

ANAK BUMIPUTRA DI SEKOLAH CINA/TAMIL

2. **Tuan Hussein bin Mohamed** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah anak-anak dari kaum bumiputra yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di Semenanjung Malaysia ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, bilangan kanak-kanak dari kaum bumiputra di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ialah seperti berikut:

Sekolah Cina	9,613 orang
Sekolah Tamil	885 ..
Jumlah	10,498 ..

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini sama ada angka-angka ini dalam beberapa tahun ini kian bertambah atau sebaliknya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulang sekali lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu bahawa angka yang diberi tadi bahawa ada 9,613 kanak-kanak dari kaum bumiputra di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Soalan saya ialah adakah angka ini tahun demi tahun lebih ramai atau lebih kurang?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, angka ini ialah bagi tahun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Angka ini tahun demi tahun lebih ramai atau kurang?

Dato' Chan Siang Sun: Itu saya minta notis.

Tuan Umar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri adakah pihak Kementerian sedar bahawa pelajar-pelajar yang beragama Islam yang belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ini menghadapi kesulitan mendapatkan makanan yang disediakan di kantin di sekolah-sekolah tersebut. Jika sedar, apakah tindakan yang patut diambil oleh pihak Kementerian?

Kedua, bagaimanakah cara-cara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ini menyediakan makanan tambahan di bawah rancangan makanan tambahan di sekolah-sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun soal makanan di luar daripada soal asal tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawabnya.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan makanan ini, saya fikir sekolah itu boleh menguruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Selain daripada sebab bahawa sekolah-sekolah tersebut sangat dekat dengan rumah pelajar-pelajar atau murid-murid yang belajar di sekolah beraliran Cina atau aliran Tamil, apakah lain-lain sebab

yang dapat diketahui di mana bilangan murid-murid bumiputra memasuki sekolah-sekolah Cina dan Tamil?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab yang pertama ialah oleh kerana di bawah Akta Pelajaran tahun 1961 ada peruntukan dan juga dalam sistem pelajaran kita. Kedua dari kemudahan-kemudahan khasnya di luar bandar lebih mudah didapati ini satu sebab; dan ketiga, barangkali minat ibu-bapa bumiputra terhadap jenis pelajaran ini.

TANGKAPAN ANASIR ANTI-NATIONAL

3. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bilangan tangkapan-tangkapan yang dibuat ke atas anasir-anasir anti-national. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mempercepatkan hukuman ke atas mereka ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat ini tidak begitu jelas apa yang dikehendakinya. Oleh yang demikian, saya tidaklah dapat memberi jawapan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang mengetahui bilangan tangkapan yang dibuat ke atas orang-orang yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara iaitu termasuklah anasir-anasir anti-national dan juga mereka yang terlibat dalam kegiatan sabversif. Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960 adalah memberi kuasa untuk mengambil tindakan ke atas tiga golongan—yang mengancam keselamatan negara, melanggar perkhidmatan-perkhidmatan perlu dalam negara dan juga kehidupan ekonomi negara. Bagi mencegah mereka dari meneruskan kegiatan-kegiatan yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara mereka yang terlibat boleh dikenakan perintah tahanan ataupun perintah sekatan.

Tuan Lee Kaw: Bolehkah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mendefine istilah "anti-national".

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak payah dijawab.

KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—WANG TAK DITUNTUT

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja yang masih menunggu dituntut oleh bekas pencarum dan tanggungan mereka hingga kini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini oleh KWSP untuk memberitahu bekas pencarum supaya menuntut wang itu dan jumlah wang yang telah dituntut hingga kini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Ogos, 1979, jumlah wang yang belum dituntut di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah \$6,071,767.60.

Berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil untuk menghubungi bekas-bekas pencarum atau waris-waris mereka, KWSP telah dan sedang berusaha menghubungi mereka dengan cara menulis surat kepada majikan-majikan yang terakhir kepada pencarum-pencarum. Usaha itu tidak mendapat sambutan yang memuaskan kerana kebanyakan alamat-alamat yang ada dalam simpanan KWSP sudah tidak kemas-kini lagi dan di samping itu ada majikan-majikan yang tidak memberi perhatian yang berat dalam perkara ini.

Oleh yang demikian, sebagai satu langkah memberi KWSP telah mengambil tindakan untuk:

- (a) menghubungi pencarum-pencarum ataupun mereka yang berhak untuk menuntut menerusi kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara; dan
- (b) menyiarkan nama-nama mereka itu di dalam suratkhbar-suratkhbar tempatan.

Setakat ini, jumlah wang yang telah dituntut ialah sebanyak \$464,615.93. Memandangkan bahawa masih banyak wang yang tidak dituntut, saya suka mengambil peluang ini untuk memaklumkan kepada bekas-bekas pencarum dan waris-waris mereka yang belum lagi membuat tuntutan supaya menghubungi KWSP dengan segera.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa ada beberapa langkah telah diambil berhubung dengan pencarum-pencarum KWSP dan salah

satunya ialah untuk mengiklankan nama mereka di dalam surat khabar tempatan. Di sini saya suka bertanya sama ada ini termasuk mengiklankan nama-nama mereka di dalam surat khabar tempatan berbahasa Cina dan India memandangkan bahawa semua surat pekliling pun ada dikeluarkan oleh KWSP kepada pencarum-pencarum ini dalam empat bahasa.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan asal saya ialah sebanyak 6,000 tidak dituntut. Soalan Yang Berhormat minta adakah nama di dalam bahasa Cina atau Inggeris

Tuan Yang di-Pertua: Iklan itu adakah termasuk di dalam bahasa Cina ataupun bahasa Tamil?

Tuan Mak Hon Kam: Yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam list itu semua nama disiarkan di dalam bahasa Inggeris sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar, duduk dahulu! Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bertanya iklan itu adakah dimasukkan juga di dalam akhbar berbahasa Cina, bahasa Tamil ataupun bahasa Inggeris sahaja?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya ada dikatakan ini sistem yang baru, belum dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! baharu hendak diadakan pada masa akan datang.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Bolehkah pihak Kerajaan menimbangkan supaya apabila iklan-iklan dibuat di dalam surat khabar bahawa ini akan termasuk surat khabar tempatan berbahasa Cina, Tamil, Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Tuan Mak Hon Kam: Akan dipertimbangkan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan berapa lamakah wang itu disimpan di dalam EPF dan berapa lamakah baru wang ini dipindah ke akaun amanah ataupun akaun yang tertentu.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, wang caruman yang tidak dituntut dalam tempoh 10 tahun yang pertama selepas pencarum-pencarum mencapai umur 55 tahun akan dipindahkan ke dalam akaun cadangan (reserve account). Wang itu akan disimpan terus dalam akaun cadangan dan juga selepas cukup tempoh 10 tahun yang kedua tamat tetapi tidak juga tuntutan diterima, maka wang tersebut akan menjadi hak KWSP. Walau bagaimanapun mereka yang berhak menuntut boleh juga membuat tuntutan pada bila-bila masa pun.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Oleh kerana memandang wang yang belum dituntut ini berjumlah lebih daripada \$6 juta maka saya kira perlu sangatlah wang-wang ini dapat diikhtikarkan dengan seberapa yang boleh supaya sampai kepada pihak-pihak yang tertentu. Jadi selain daripada cara-cara yang telah diamalkan oleh pihak Kementerian ini, saya berpendapat satu cara yang berkesan patut diambil

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pendapat, bukan soalan tambahan!

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan itu bercadang supaya satu cara iaitu dengan memberitahu Pejabat-pejabat Penerangan Negeri-negeri untuk menghebahkan perkara ini, sebab saya kira jabatan itu adalah cukup giat sekali untuk memberi penerangan kepada orang-orang kampung. Jadi adakah cadangan seumpama ini ada di dalam pengetahuan ataupun menjadi cadangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Membuat pertanyaan, cara ataupun teknik serta taktik, seseorang boleh dibenarkan menyoal dan seorang lain pula tidak boleh dibenarkan, mengikut caranya. Itu patut dipelajari macam mana cara teknik, dan teknik membuat soalan.

Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang menjadi soalan Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

PEMAJU PERUMAHAN SWASTA— PENYELEWENGAN

5. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejak tahun 1976 hingga 1979 ini, berapakah orang pemaju perumahan swasta telah dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar undang-undang dan perjanjian seperti pemaju tidak mengikut specifications untuk membina rumahnya atau tidak menyiapkan rumahnya dalam tempoh yang dijanjikan, berapakah kes penyelewengan telah dirujuk kepada BSN dalam tempoh tersebut, dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk mencegah kegiatan penyelewengan yang sangat merugikan kepentingan orang ramai dan pembelinya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidaklah beberapa jelas dan tepat terutamanya tentang makna "pelanggaran undang-undang" dan "penyelewengan" dan nampaknya timbul daripada salah faham tentang dua perkara yang berlainan, iaitu:

- (a) pertikaian-pertikaian antara pemaju dan pembeli di atas obligasi kontrek yang seharusnya diselesaikan di mahkamah melalui tindakan civil terhadap pemaju yang boleh diambil oleh pembeli.
- (b) kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedah-nya yang dilakukan oleh pemaju-pemaju perumahan yang memerlukan tindakan undang-undang secara langsung diambil terhadap mereka oleh Kementerian saya.

Saya kurang faham mengapa kekeliruan dalam perkara ini masih berlaku sungguhpun perbezaan di antara bidangkuasa dan tindakan atau langkah-langkah yang boleh diambil itu telah diterangkan kerap kali dalam Dewan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun saya akan menjelaskan sekali lagi bahawa pihak pengawasan dan penguatkuasa di Kementerian saya menjalankan dua tugas yang berlainan dari segi

pendekatan dan kuasa yang ada padanya iaitu:

- (a) menjalankan siasatan ke atas syarikat-syarikat pemaju perumahan yang telah melanggar Akta dan Kaedah-kaedah Pemaju Perumahan supaya mereka dapat dihadapkan ke mahkamah, dan
- (b) menjalankan siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima daripada pembeli-pembeli rumah.

Kementerian saya telah dan sedang menyasiat sebelas syarikat pemaju perumahan kerana kemungkinan melanggar Akta Pemaju-pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedah di bawahnya. Maklumat dan bukti-bukti yang ada sekarang menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini telah menjalankan urusaniaga/ dan atau kemajuan perumahan tanpa lesen/ permit iklan ataupun melanggar syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan kepada mereka.

Satu daripada kes-kes tersebut telah disedia untuk dibawa ke mahkamah dan langkah-langkah terakhir sedang dipercepatkan supaya kes yang pertama ini dapat dibicarakan sebelum akhir tahun ini. Usaha-usaha untuk mendapatkan maklumat dan bukti-bukti yang lengkap bagi kes-kes yang lain itu sedang diteruskan. Kementerian saya akan memberi keutamaan kepada bidang penguatkuasa ini dan adalah diharapkan bahawa kes-kes yang lain itu akan dapat disusuli dengan secepat mungkin.

Sepanjang yang diketahui oleh Kementerian, lima daripada sebelas kes ini adalah juga disiasat oleh Biro Siasatan Negara. Dengan adanya tindakan bersama dan tukar pendapat di antara Kementerian dan Biro Siasatan Negara dalam perkara ini maka adalah diharapkan kedua-dua pihak akan dapat menghasilkan usaha-usaha dan strategi-strategi yang lebih berkesan untuk mencegah dan mengurangkan penyelewengan dan kesalahan di kalangan pemaju-pemaju perumahan swasta.

Tugas ini adalah berlainan daripada siasatan ke atas aduan-aduan mengenai misalnya, kecacatan atau kerja-kerja pembinaan yang sub-standard dan tidak mengikut specifications, kelewatan menyiapkan rumah dan sebagainya yang membayangkan masalah "pecah kontrek" oleh pemaju yang seperti saya sebutkan tadi, hanya boleh diselesaikan secara tindakan civil terhadap pemaju yang harus diambil oleh pembeli-pembeli yang

berkenaan. Dengan demikian kemungkinan tindakan mahkamah diambil oleh Kementerian saya tidak berbangkit. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai kes-kes "penyelewengan" (malpractice) atau "pelanggaran" adalah kes-kes seperti ini.

Bukanlah tujuan Kementerian saya untuk mengambil alih tugas-tugas sebuah mahkamah. Bagaimanapun Kementerian saya sedar bahawa kebanyakan pembeli-pembeli rumah tidak mampu untuk mengambil tindakan civil terhadap sesuatu pemaju kerana pecah kontrak. Dengan demikian, sudah menjadi tugas utama Kementerian saya untuk mencampurtangan dalam pertikaian-pertikaian tersebut dengan menjalankan kerjasama perantaraan di antara pihak-pihak yang terlibat supaya masalah yang berkenaan dapat diselesaikan secara perundingan atau tolak ansur. Selain daripada itu, Kementerian saya juga menyelidik aduan-aduan tersebut bagi menentukan atau melihat secara keseluruhannya tentang sejauh mana pihak pemaju menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusan perumahan. Tindakan-tindakan pentadbiran boleh diambil terhadap pemaju jika difikirkan perlu.

Tuan Lee Kaw: Menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar kes-kes yang dilaporkan kepada Kementerian tindakan yang diambil oleh Kementerian adalah sangat lambat, dan perjanjian dalam agreement ini selepas 6 bulan untuk defects dalam perkara pembangunan ini, jika kes ini dibawa ke mahkamah pun mengambil masa yang sangat lama. Oleh sebab itu bolehkah Kementerian beliau mengambil tindakan segera (faster action)?

Keduanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar ada satu syarikat pemaju mendapat lesen dari Kementerian beliau, syaratnya ialah 18 bulan rumah itu mesti dimajukan. Tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Itu lain, panjang sangat, ini bukan soalan tambahan. Jawab soalan tambahan yang pertama sahaja.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menganggap perkembangan mengenai dengan pemaju-pemaju perumahan ini seolah-olahnya tidak ada dijalankan oleh Penguatkuasa Kement-

terian saya. Sebenarnya sebagaimana saya terangkan dalam jawapan saya iaitu 11 telah-pun diambil tindakan, kemudian tindakan mahkamah dan satu akan dibawa mahkamah. Itu perkembangannya. 5 daripadanya adalah dalam penyiasatan BSN. Jadi ini bermakna ada. Kalaulah dalam soalan yang asal saya telah menjawab ada tindakan itu diambil, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak memuaskankan hati Ahli Yang Berhormat dari Keluang supaya jangan lengah sangat kerana habis tempoh jaminan 6 bulan itu, itu yang sebenarnya. Tetapi dia bercakap panjang sangat berbelit-belit soalnya.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Jadi satu-satu kes yang hendak diambil itu kita tidak bolehlah bergopoh-gapah harus barangkali satu-satu kes itu tidak terang dan sebagainya boleh jadi Kementerian saya pula mengambil tindakan yang bodoh yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang pula.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, mengenai 11 kes yang ada dalam siasatan Kementerian yang berkenaan, suka saya mendapat tahu berapakah daripadanya ada berkaitan dengan menjalankan urusan perumahan tanpa lesen ataupun tanpa permit.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya minta notis.

RUMAH URUT/KEDAI GUNTING RAMBUT WANITA

6. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada "Rumah Urut" dan "Kedai Gunting Rambut Wanita" tertakluk di bawah perniagaan yang benar-benar bersih dan baik (decent business). Jika tidak, apakah tindakan yang positif perlu diambil untuk memastikan yang perniagaan itu dijalankan dengan bersih dan baik.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sejauhmana yang saya tahu "Rumah Urut" dan "Kedai Gunting Rambut Wanita" adalah didapati menjalankan perniagaan yang bersih dan baik. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawalan di tempat-tempat perniagaan ini adalah di-

buat oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang menjadi pihak berkuasa memberi lesen bagi perniagaan seumpama ini.

Untuk memastikan perniagaan-perniagaan ini dikawal dengan lebih berkesan lagi, pemeriksaan mengejut telahpun dijalankan di setengah-setengah Penguasa Tempatan dan dari segi undang-undang, Undang-undang Kecil "Massage Establishment By-Laws" dan "Barber Shops and Hairdressers By-Laws" sedang digubal untuk digunakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Perniagaan ini sudah pasti tidak baik terutamanya dari segi hukum Islam kecuali lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan. Adakah pihak Kementerian ini akan mencadangkan supaya perniagaan ini diharamkan terus?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Tuhan jadikan dunia ini sebab itulah Tuhan itu kaya. Yang Berhormat boleh tengok dalam Dewan ini ada setengahnya janggut, ada setengah simpan misai. Kalau lah

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kedua-duanya tidak ada, macam mana? (*Ketawa*)

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kalau macam muka saya ini bersih semua, maka tidaklah elok dunia ini. Jadi, kalau hendak haram tak haram itu saya rasa Kerajaan setakat ini belum ada cadangan untuk hendak mengharamkan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menerangkan bahawa kedai-kedai urut dan kedai gunting wanita ini dijalankan dengan bersih. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan sedikit lagi tentang kebersihan itu dari segi apa.

Yang kedua, barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri ada pengalaman banyak dalam soal ini, dalam Kuala Lumpur ini ada berapa banyak rumah-rumah urut?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pengalaman (*Ketawa*). Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu

Tuan Yang di-Pertua: Jadi macam mana tahu ini bersih (*Ketawa*).

Dato' Haji Ramli bin Omar: Laporan-laporan daripada pegawai ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat (*Ketawa*). Soalan asalnya sama ada bersih atau tidak bersih perniagaan itu, saya dapati syarat-syarat daripada Penguasa-penguasa Tempatan telah meletakkan beberapa syarat umpamanya, cukup umur, bersih kawasan itu dan tempat-tempat itu hendaklah terang supaya tidak gelap (*Ketawa*). Jadi penjelasan dari pegawai-pegawai itu hingga hari ini belum lagi ada aduan yang tertentu, kalau ada bolehlah diberitahu kepada Kementerian.

Tuan Au How Cheong: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson hendak tahu juga!

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sahaja sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar walaupun beliau telah sebutkan bahawa Penguasa-penguasa Tempatan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawal perusahaan ini tetapi sebenarnya Kerajaan Tempatan tidak ada kuasa ataupun tidak ada mempunyai undang-undang tertentu untuk memberi lesen ataupun mencegah atau mengawal perusahaan ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya katakan, pertamanya tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan. Ada saya sebutkan dalam jawapan saya oleh kerana Penguasa-penguasa Tempatan dari segi undang-undang kecil (by-laws) sedang digubal untuk hendak memperkuatkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

Tuan Seow Hun Khim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 7.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Bukit Merjam.

GURU BAHASA INGGERIS TEMPATAN

7. **Tuan Seow Hun Khim** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan menawarkan kepada guru-guru Bahasa Inggeris tempatan yang berkelayakan dan tidak bekerja pada masa ini untuk berkhidmat memandangkan kepada semakin merosotnya taraf Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun saya jawab semalam, 15hb November, 1979.

SIMEN—KENAIKAN HARGA

8. **Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pihak Kementerian ini sedar bahawa kenaikan harga simen ke paras \$8.20 sekampit seperti yang diumumkan oleh Kementerian baru-baru ini adalah menimbulkan kesusahan/kesulitan yang berat kepada golongan miskin dan pemborong bumiputra, jika sedar adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula berhubung dengan harga simen di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah mengkaji dengan mendalam sebelum kenaikan harga simen baharu-baharu ini diluluskan. Hasil dari kajian tersebut, Kementerian saya mendapati bahawa kenaikan harga sebanyak \$6.50 di peringkat kilang dan \$8.20 harga runcit maksima bagi seluruh Semenanjung Malaysia adalah berpatutan. Ini adalah disebabkan bahawa syarikat-syarikat simen telah mengalami kenaikan kos pengeluaran dan kenaikan harga bahan mentah yang tinggi sejak tahun 1974, iaitu tahun yang terakhir harga simen dinaikkan. Selanjutnya sebelum harga baharu diluluskan oleh Kerajaan cuma harga di kilang-kilang sahaja yang dikawal. Oleh itu, sungguhpun harga di kilang pada masa itu ialah \$5.00 sekampit, harga runcit biasa meningkat di setengah-setengah kawasan kepada \$8.00 sekampit ataupun lebih. Sistem kawalan baharu menghadkan harga runcit kepada \$8.20 sekampit dengan kemungkinan pengguna-pengguna dapat membeli dengan

harga yang lebih murah dari ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedar bahawa sebarang kenaikan harga, termasuk simen, akan memberi sedikit-sebanyak kesan terhadap pengguna-pengguna.

Mengenai harga baru simen seperti yang saya jelaskan tadi, Kementerian saya mendapati bahawa harga ini adalah harga yang berpatutan bagi kedua-dua pihak, iaitu syarikat-syarikat simen dan pengguna-pengguna. Dengan itu Kementerian saya tidak bercadang untuk mengkaji semula harga bahan tersebut setakat ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengatakan harga maksima ialah \$8.20. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa harga \$8.20 maksima ini tidak boleh kita dapat, terutama di kawasan-kawasan yang jauh daripada kilang. Harga maksima \$8.20 akan ditambah dengan tambang, ditambah dengan lain-lain kos, sekurang-kurangnya harga yang kita boleh dapat sekarang terutama di Pulau Pinang dengan harga \$8.50 pada satu kampit. Adakah pihak Kementerian sudah menjalankan siasatan mengenai hal ini dan apakah tindakan yang patut diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah kenaikan harga yang lebih daripada yang ditetapkan oleh Kementerian ini.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telahpun mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk mengatasi dan mengawasi supaya harga runcit maksima yang telah ditetapkan itu dipatuhi oleh semua pihak. Jika sekiranya ada pihak-pihak yang tertentu, terutama sekali pengguna-pengguna yang dipaksa membayar lebih daripada \$8.20 sekampit, Kementerian saya ingin mendapatkan maklumat-maklumat itu, terutama sekali dengan adanya satu peraturan yang baru dibuat mulai 1hb Oktober, iaitu tiap-tiap penjual dan pembeli simen mestilah ada penyata jualbeli (*statement of sale*). Sekiranya ada pengguna-pengguna yang terpaksa membayar atau dipaksa membayar lebih daripada \$8.20 sekampit, silalah sampaikan maklumat itu kepada Kementerian saya ataupun Pegawai-pegawai Penguatkuasa yang ada di dalam negara ini untuk tindakan selanjutnya.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada benar atau tidak harga borong \$8.20 merupakan

satu hidden subsidy supaya para pembeli di Kelantan dan Trengganu bolehlah membeli simen dengan harga yang sama yang dijalankan di Kuala Lumpur atau di Selangor dan lain-lain negeri.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya harga runcit maksima yang telah ditetapkan sebanyak \$8.20 sekampit itu telah mengambil kira masalah yang ada di sebelah Pantai Timur, ini bermakna kos pengangkutan telah dikira secara pukul rata untuk membolehkan harga yang ditetapkan itu dilaksanakan. Jadi bermaknalah di sini bahawa dengan harga yang telah ditetapkan sebanyak \$8.20 sekampit itu, secara tak langsung ada subsidi diberi kepada mereka di Pantai Timur. Sekiranya Kerajaan mengikut harga yang ditetapkan ataupun dipinta oleh syarikat-syarikat yang berkenaan, harga simen di Pantai Timur adalah lebih daripada harga yang ditetapkan sebanyak \$8.20 sekampit itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kiam Hoon.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 9.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

SEMINAR AHLI-AHLI SAINS ISLAM DI ISTANBUL

9. Tuan Ismail bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil rombongan tiga orang dari Malaysia ke Seminar Ahli-ahli Sains Islam yang telah diadakan di Istanbul, Turki bagi membincangkan cara-cara penetapan hari-hari perayaan Islam dan cara menentukan mula berpuasa dan hari raya itu; apakah hasil dari Seminar tersebut telah dapat membantu Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan negara-negara Islam khasnya negara-negara ASEAN.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Seminar Ahli-ahli Sains Islam yang telah diadakan di Istanbul, Turki pada akhir tahun lepas telah membuat keputusan bahawa pe-

ntuan mula berpuasa dan berhari raya adalah dengan cara hisab. Seminar tersebut telah juga menghasilkan persetujuan supaya resolusi-resolusi seminar dikemukakan kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam untuk disampaikan kepada negara-negara yang berkenaan. Walau bagaimanapun, setakat ini persidangan tersebut masih belum lagi diadakan dan ini hanya akan dapat ditentukan berdasarkan kepada perkembangan-perkembangan selanjutnya.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu bahawa hasil daripada Seminar Ahli-ahli Sains Islam yang diadakan pada akhir tahun lepas di Istanbul memutuskan bahawa cara menentukan tarikh-tarikh yang berkenaan ialah melalui hisab. Saya ingin tahu adakah pihak Jabatan Perdana Menteri telahpun membuat satu perakuan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab mengenai hal ini supaya perakuan ini juga diikuti bagi negara ini dan kalau belum, adakah beliau bercadang untuk membuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab supaya dibawa kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam, maka persidangan itu belum lagi diadakan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan ialah setakat dalam negara ini.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, keputusan itu telah dibincangkan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri sebagaimana saya maklumkan sekejap tadi, iaitu kita juga menunggu hasil daripada Persidangan Negara-negara Islam dalam dunia ini. Yang keduanya, soal ugama adalah kuasa terletak kepada Raja-raja di negeri-negeri dalam seluruh Persekutuan Tanah Melayu, jadi bila mana Mufti-mufti dalam negeri-negeri Seluruh Persekutuan Tanah Melayu telah menentukan buat sementara ini tarikh puasa dibuat dengan rukyah, maka itulah keputusan yang boleh diterima oleh negara kita.

Sebenarnya tentang hendak menentukan tarikh puasa ini ada beberapa langkah yang dibuat oleh ulama-ulama Islam dan ugama Islam sendiri sanjung tinggi tentang negara-negara Islam dalam menentukan tarikh bulan puasa.

Saya suka menjelaskan sedikit bahawa pernah berlaku semasa Rasulullah (s.a.w.) dahulu berlainan tarikh puasa di antara Sham dan Madinah dan perkara ini telah disampaikan kepada Rasulullah (s.a.w.), maka itu tidak dijadikan satu masalah dan terus berjalan per selisihan antara Sham dengan Madinah. Di sini terbuktilah kepada kita bahawa amalan itu boleh diamalkan di dalam negara kita ini.

Juga tentang hisab, setengah ulama mengatakan boleh diamalkan perhitungan hisab untuk menentukan bulan puasa atau tarikh puasa kerana setiap alam yang dijadikan Tuhan ini tidak berubah sunahnya dan perjalanan planet-planet matahari, bulan, bintang itu beredar dalam falaknya dengan sendiri dan tidak berubah. Oleh hal yang demikian, bolehlah pakar-pakar sains menentukan tarikh yang tentu harinya, bulannya dan tahunnya sebagai kenyataan di dalam Al-Quran: "Qulum fi falakun ya'subahun". Dan lagi satu ayat yang menerangkan bahawa sunnah itu tidak berubah yang bermaksud: "Tidak ada perubahan dalam seluruh kejadian Allah"—The law of creation, ertinya undang-undang kejadian Allah. Dengan hal demikian pakar-pakar sains falak dapat menentukan bahawa tarikh puasa itu boleh ditentukan dengan hisab.

Jadi inilah dua cara dan kita harap dalam perkembangan sains dan teknologi ini dapat negara-negara Islam mengamalkan kedua-duanya.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tengok sahajalah tahun depan macam mana.

BEKALAN API LETRIK DI KELANTAN

10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa orangkah yang telah ditangkap kerana mencuri bekalan api letrik di Negeri Kelantan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat ini umum, iaitu tidak dinyatakan jangka masanya maka saya akan memberi bilangan kes-kes kecurian elektrik yang disyaki untuk tahun 1978 dan tahun 1979 sehingga pada masa ini.

<i>Tahun</i>					<i>Bilangan kes</i>
1978	19
1979	174

Hingga ke masa ini tidak ada sebarang tangkapan yang dibuat ke atas kes-kes yang disyaki ini kerana pihak L.L.N. tidak mempunyai bukti-bukti yang nyata mengenai pencurian tersebut. Walau bagaimanapun, tindakan sedang dijalankan untuk memperolehi bukti-bukti kecurian ini.

BADAN-BADAN BERKANUN BANTU BUMIPUTRA

11. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menjelaskan bersabit dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa Badan-badan Berkanun tidak memberi bantuan yang Bumiputra perlukan tetapi mengambil pula kegiatan-kegiatan yang telah mereka ceburi.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, apa yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapannya kepada peserta-peserta seminar anjuran Dewan Perlombongan Bumiputra Malaysia pada 9hb September, 1979 ialah sementara hasrat dan tujuan Kerajaan menubuhkan badan-badan ini adalah untuk menolong mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ada kalanya badan-badan ini tidak bergerak seperti kehendak dasar Kerajaan. Ini berlaku kerana mereka yang mengurus badan-badan ini kadang-kadang tidak faham peranan yang perlu dimainkan oleh mereka. Teguran ini dibuat untuk menyedari semua pihak supaya penyelewengan tidak lagi berlaku.

Adalah menjadi tanggungjawab Menteri menegur apabila penyelewengan sama ada sengaja atau tidak sengaja berlaku. Ahli-ahli politik tidak harus mencari kesempatan daripada satu usaha yang baik seperti ini.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masalah mencari kesempatan tetapi ini merupakan satu pengakuan berterus terang tentang berlakunya keadaan-keadaan yang disebutkan. Jadi tentulah menjadi tanggungjawab Ahli Parlimen untuk menimbulkan perkara ini supaya keadaan apa yang disebutkan tidak faham itu tidak berlaku. Jadi adakah munasabah dasar-dasar Kerajaan tidak lagi di-

fahami setelah beberapa lama badan-badan berkanun itu menjalankan peranannya.

Yang kedua, saya ingin mengemukakan pertanyaan iaitu sejauh manakah kesan daripada tidak faham orang-orang yang menjalankan dasar-dasar ini dan sejauh manakah ianya menimbulkan ataupun ianya mengagalkan usaha-usaha Kerajaan untuk membantu bumiputra di dalam tugas-tugas yang terkandung dalam badan-badan berkanun yang ditubuhkan ini?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang ada seperti yang diberi pengakuan itu tetapi ini ialah satu problem manusia sesama manusia, ada orang yang tidak faham sedalam-dalamnya seperti seorang yang lain. Jadi sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab memanglah dari satu masa ke satu masa Menteri itu memberi kesedaran kepada pegawai-pegawainya untuk menjalankan tugas-tugas seperti yang dikehendaki oleh parti yang berkuasa. Sama ada ini telah menggagalkan atau tidak, saya sukalah memberi pengakuan bahawa tidak ada kegagalan kerana adanya tiada fahaman daripada pegawai-pegawai berkenaan.

MAS—SUNGUTAN PENUMPANG DI SABAH/SARAWAK

12. Tuan P. Patto minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar penumpang-penumpang di Sabah dan Sarawak tidak puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh MAS; jika ya, nyatakan tindakan yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan MAS di kedua-dua negeri tersebut; dan sama ada penerbangan-penerbangan di antara Kuala Lumpur-Kuching dan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu akan ditambahkan untuk menampung keperluan orang-orang di kedua-dua negeri tersebut.

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas sungutan penumpang-penumpang di Sabah dan Sarawak mengenai perkhidmatan MAS terutamanya mengenai kapasiti kapal terbang-kapal terbang MAS. Bagaimanapun pihak MAS dengan sedaya upayanya sentiasa mencuba memperbaiki lagi perkhidmatannya di kedua-dua negeri tersebut. Adalah satu perkara yang sukar bagi MAS untuk memenuhi kehendak-kehendak semua penumpang-penumpang, terutamanya di musim perayaan dan cuti sekolah.

Pada masa ini perkhidmatan di dalam negeri Sabah dan Sarawak dijalankan dengan menggunakan 7 kapal terbang jenis F 27. Mulai bulan April 1980, sebuah lagi kapal terbang F 27 dijangka akan diperolehi untuk mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan seperti berikut di Sabah dan Sarawak:

1. 3 kali seminggu penerbangan di antara Kota Kinabalu dan Sandakan akan ditambah dan dengan tambahan itu perkhidmatan di antara Kota Kinabalu dan Sandakan menjadi 49 kali seminggu.
2. 5 penerbangan seminggu akan ditambah di antara Kota Kinabalu dan Tawau.
3. 7 penerbangan seminggu akan ditambah di antara Bintulu dan Sibiu.
4. 7 kali seminggu penerbangan akan ditambah di antara Sibiu dan Kuching.

Perkhidmatan terus akan diadakan di antara Kota Kinabalu dan Bintulu sebanyak 7 kali seminggu. Selain daripada tambahan-tambahan yang tersebut, MAS juga merancang untuk menambah perkhidmatan kapal terbang B 737 bagi negeri Sabah dan Sarawak. Tambahan-tambahan itu ialah 2 kali seminggu di antara Kota Kinabalu dan Miri dan juga 4 kali di antara Kuching dan Miri. Penerbangan terus kapal terbang jenis B 737 akan juga diadakan di antara Kota Kinabalu dan Labuan mulai bulan April 1980.

Tentang perkhidmatan di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan juga Kuching, MAS akan juga menambahkan penerbangan-penerbangan mulai bulan April, 1980. Sebanyak 3 kali seminggu penerbangan akan ditambah di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu melalui Johor Bahru dan 4 penerbangan seminggu akan ditambah bagi perkhidmatan di antara Kuala Lumpur dan Kuching melalui Johor Bahru.

Pihak MAS akan juga menambah kapasitinya bagi penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dengan menggunakan kapal terbang Airbus yang boleh mengisi 246 penumpang-penumpang apabila semua 3 buah kapal terbang jenis itu yang dibeli oleh MAS sampai. Perkhidmatan Airbus ke Kota Kinabalu dijangka akan dilancarkan pada awal tahun 1980.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Menteri Pengangkutan sama ada beliau sedar bahawa perkhidmatan Airbus MAS tidak memuaskan hati

kerana ada beberapa penumpang-penumpang telah membeli tiket dan dapat tiket tetapi tidak dibenarkan menaiki kapal terbang, sebab tempat-tempat tidak cukup. Kenapakah tiket-tiket yang dijual lebih daripada tempat-tempat yang ada dalam kapal terbang? Apakah langkah yang akan diambil bagi memperbaiki komplek-komplek itu?

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana. Semalam baru dilancarkan, sudah tidak puas hati (*Ketawa*).

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul, sebab perkhidmatan Airbus baru dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Hee Tien Lai.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 13.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan ini atas nama Ahli Yang Berhormat dari Mantin.

MAS—DENDA ATAS PEMBATALAN TEMPAHAN

13. Datuk Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak MAS mengenakan penalti sehingga \$50.00 kerana pembatalan tempahan yang dibuat lewat atau langsung gagal hadir, apakah hasil yang telah dicapai dari segi penempatan dan berapakah kehilangan pendapatan telah diperolehi sejak peraturan baru ini diadakan.

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, syarikat MAS telah mengenakan denda kerana tidak hadir bagi penerbangan yang ditempah ataupun bagi pembatalan Penerbangan dalam masa 24 jam sebelum penerbangan yang ditetapkan pada 1hb Februari, 1979 bagi perkhidmatan di Sabah, Sarawak dan Brunei dan juga bagi penerbangan-penerbangan di antara Sabah dan Sarawak dengan Singapura dan Semenanjung Malaysia. Mengikut kajian, sistem itu telah memberi kesan sebagaimana yang dijangka dan menepati tujuan untuk mengurangkan penumpang-penumpang daripada pembatalan penerbangannya.

Sebelum sistem itu diadakan, bagi penerbangan di negeri-negeri tersebut lebih kurang 21% penumpang-penumpang tidak hadir ataupun membatalkan penerbangannya dan dengan itu mereka yang benar-benar hendak menjalankan penerbangannya tidak dapat berbuat demikian. Setelah diadakan sistem itu peratus yang membatalkan penerbangannya ataupun tidak hadir telah jatuh kepada 12%.

Skim denda itu telah juga dilancarkan di Semenanjung Malaysia pada 1hb September, 1979. Adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada skim itu telah memberi kesan di Semenanjung Malaysia, tetapi mengikut kajian dengan secara ringkas, peratus penumpang-penumpang yang membatalkan penerbangan ataupun tidak hadir telah turun daripada 25% kepada 17%.

Setakat ini adalah sukar bagi MAS untuk membuat anggaran tentang hasil pendapatan yang diperolehi dari aturan yang dikenakan itu.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata bahawa kalau sekiranya pembatalan itu tidak diberi tahu sebelum tempoh 24 jam dalam masa penerbangan itu dijadualkan maka denda \$50 dikenakan. Saya ingin bertanya apakah gantirugi yang dibayar oleh pihak MAS sekiranya MAS membatalkan penerbangan ataupun "delayed flight" kepada penumpang-penumpang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang supaya \$50 juga dibayar sebagai gantirugi kerana inconvenience caused to passengers?

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang dia bayar lebih, bayar hotel dan sebagainya.

Dato Lee San Choon: Penerbangan-penerbangan yang dibatalkan itu berlaku bukanlah semata-mata dalam MAS bahkan dalam semua syarikat penerbangan dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, sebagai satu syarikat penerbangan kita cuba seberapa boleh elakkan pembatalan penerbangan yang dijalankan itu. Dan saya bukanlah hendak mengatakan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Minglembu itu tidak menasabah tetapi Syarikat MAS memang sentiasa memberikan gantirugi dengan cara lain apabila berlaku satu-satu pembatalan jadual penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini).

JALAN ASTON DI BUKIT MERTAJAM

14. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan melebarkan Jalan Aston di Bukit Mertajam sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas dalam bandar itu; jika ya, bila kerja akan dimulakan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kementerian saya sedar di atas masalah lalulintas di Jalan Bukit Aston, Bukit Mertajam tetapi oleh kerana di kedua-dua belah Jalan Aston ada bangunan-bangunan milik persendirian, jalan ini tidak boleh dilebarkan sebanyak 66 kaki tanpa membayar ganti rugi yang berat. Beralaskan perkara ini pihak yang berkuasa tidak ada rancangan untuk melebarkan jalan dengan mengambilalih tanah sebanyak 13 kaki tiap-tiap belah jalan dengan paksaan.

Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengkaji kesesakan lalulintas ini dan telah mendirikan lampu isyarat untuk melicinkan perjalanan trafik di persimpangan Jalan Aston dan Jalan Arumugam Pillai.

KES PEMBUNUHAN DI SABAH

15. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak kes-kes pembunuhan yang melibatkan pemandu-pemandu teksi masih tidak dapat dibereskan di Sabah dan sama ada benar bahawa ini adalah pelarian-pelarian Filipino yang mana selepas melakukan jenayah di dalam negeri, mereka melarikan diri ke Filipina.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Dari kes-kes pembunuhan yang dilaporkan berlaku di Negeri Sabah sejak tahun 1975, hanya 7 kes sahaja yang melibatkan pembunuhan pemandu teksi. Dari 7 kes tersebut, 1 kes telah dapat diselesaikan di mana dua orang keturunan Bugis telah didapati bersalah oleh Mahkamah dan telah dihukum penjara selama 13 tahun. Mengenai 6 kes lagi, pihak Polis masih menjalankan siasatan. Oleh

yang demikian, tidak dapat disahkan setakat ini sama ada pembunuhan-pembunuhan tersebut dilakukan oleh pelarian-pelarian Filipina.

PENDATANG HARAM VIETNAM DI MALAYSIA

16. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sehingga 30-9-1979 berapa ramaikah pendatang-pendatang haram dari Vietnam yang masih lagi ada di Malaysia. Berikan angka-angka pendaratan pendatang-pendatang haram tersebut ke Malaysia bagi bulan-bulan Jun, Julai, Ogos dan September 1979. Dan di dalam tempoh yang sama berapa ramaikah pendatang-pendatang haram Vietnam tersebut telah meninggalkan Malaysia menuju ke negara ketiga.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Sehingga 30-9-1979 jumlah pendatang haram Vietnam yang masih berada di Malaysia ialah seramai 47,809 orang. Jumlah yang mendarat di negara ini bagi bulan:

Jun	5,538	orang
Julai	1,251	..
Ogos	164	..
September	644	..
Jumlah				7,597	..

Jumlah yang dipindahkan ke negara ketiga:

Jun	4,535	orang
Julai	8,085	..
Ogos	8,460	..
September	9,726	..
Jumlah				30,806	..

HOSPITAL BERSALIN PULAU PINANG—TUDUHAN SUAMI PUAN PARVATHY

17. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada siasatan telah diadakan ke dalam satu insiden yang berlaku di Hospital Bersalin Pulau Pinang di mana seorang bayi dilahirkan oleh Puan Parvathy dianggap oleh pihak hospital sebagai sudah mati dan sama ada Menteri berkenaan

sedar tentang tuduhan yang dibuat secara awam oleh suami Puan Parvathy itu tentang kelalaian dan sikap acuh-tak-acuh pihak hospital tersebut; nyatakan hasil siasatan tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah menyiasat tuduhan yang dibuat secara am oleh suami Puan Parvathy tentang kelalaian dan sikap acuh-tak-acuh pihak Hospital Bersalin, Pulau Pinang dan didapati tuduhan tersebut adalah tidak berasas sama sekali.

Mengikut rekod hospital, Puan Parvathy menggugurkan bayi seberat 1 lb 4 oz pada 24-6-79 dan pada lazimnya bayi-bayi yang dilahirkan dengan berat badan kurang daripada 3½ lb tidak ada kemungkinan atau harapan sama sekali untuk hidup. Kemungkinan ini telah diberitahu kepada Puan Parvathy.

Walau bagaimanapun, rawatan kecemasan yang sewajarnya dan pengawasan yang rapi telah dijalankan oleh doktor dan kakitangan hospital. Sungguhpun rawatan intensif itu diberi, bayi tersebut telah meninggal dunia kerana kelemahan dalam sistem pernafasan yang dipanggil "idiopathic respiratory distress syndrome".

Masalah pokok ialah bayi yang dilahirkan adalah hasil dari mengandung selama kurang lebih 24 minggu. Di segi teknik, bayi ini tidak boleh diharapkan untuk hidup dan membesar kerana beratnya pada masa dilahirkan 1 lb 4 oz. Dengan ini bayi ini boleh disifatkan sebagai masih "foetus" lagi. Sebaliknya seseorang bayi yang dilahirkan yang boleh diharapkan hidup hendaklah ibunya mengandung sekurang-kurangnya selama 28 minggu dan bayi yang dilahirkan hendaklah beratnya sekurang-kurangnya 4 lb.

Pengalaman di wad kanak-kanak, bayi-bayi yang mempunyai berat badan yang kurang daripada paras 3½ lb boleh diselamatkan selama 2, 3 hari, tetapi akhirnya mereka meninggal juga kerana anggota-anggota badan mereka khasnya paru-paru masih belum berkembang dan matang. Bayi-bayi seumpama ini meninggal kerana kelemahan dalam sistem pernafasan yang dipanggil "idiopathic respiratory distress syndrome". Seperti mana saya sebutkan tadi bahawa bayi Puan Parvathy juga meninggal disebabkan oleh "idiopathic respiratory distress syndrome".

BEKALAN API LETRIK DI KAWASAN PARLIMEN NILAM PURI

18. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi mengadakan bekalan Api Letrik di dalam Kawasan Parlimen Nilam Puri dari tahun 1974 hingga 1978 dan berapa peratus rancangan pembekalan Api Letrik di dalam Kawasan Parlimen tersebut yang telah dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Dukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Kementerian saya tidak ada rekod jumlah perbelanjaan untuk memberi bekalan letrik ke Kawasan Nilam Puri. Untuk makluman Yang Berhormat rekod sejak bekalan letrik yang telah diluluskan oleh Kementerian saya tidak dibuat mengikut kawasan pilihanraya tetapi dibuat mengikut daerah.

Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bilangan projek yang telah diluluskan di daerah Kota Bharu yang termasuk kawasan Parlimen Nilam Puri dan Parlimen Kota Bharu di antara tahun 1974 hingga tahun 1978 adalah sebanyak 98 projek yang dianggarkan akan menelan belanja berjumlah \$9.83 juta. Setakat ini sebanyak 49 projek telahpun disiapkan bersamaan perbelanjaan sebanyak \$4.22 juta dan bakinya adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Sebanyak lebih kurang 62% dari projek-projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk Daerah Kota Bharu telah disiapkan hingga ke masa ini.

LAWATAN RAKYAT MALAYSIA KE NEGERI CHINA—PERMOHONAN

19. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan beberapa banyak permohonan telah dibuat dari Januari tahun ini hingga kini oleh rakyat Malaysia berketurunan China yang ingin melawat Negeri China untuk tujuan sosial atau perubatan dan berapa banyakkah permohonan yang telah diluluskan, berikan butir-butir menurut jenis permohonan iaitu untuk tujuan-tujuan sosial atau perubatan; dan adakah beliau sedar bahawa masa yang diambil untuk memproses permohonan-permohonan adalah terlalu lama dan apakah langkah-langkah yang

Jabatan Imigresen bercadang hendak ambil bagi memudahkan peraturan-peraturan bagi mendapatkan visa untuk pergi ke Negeri China.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Saya tidak akan membuat kenyataan mengikut perkauman.

Semenjak bulan Januari hingga bulan Ogos 1979, sebanyak 5,666 permohonan melawat Republik Rakyat China telah diterima. Dari jumlah itu, 5,568 permohonan adalah bagi tujuan lawatan sosial manakala 98 permohonan adalah bagi tujuan perubatan.

Sebanyak 677 permohonan telah diluluskan (tujuan sosial 643 permohonan dan perubatan 34 permohonan) manakala sebanyak 390 permohonan telah ditolak (tujuan sosial 377 permohonan dan perubatan 13 permohonan). Bakinya masih lagi dalam proses.

Berkenaan dengan kenyataan terhadap masa yang panjang diambil untuk memproses permohonan melawat Republik Rakyat China adalah diingatkan bahawa hubungan Malaysia dengan Republic Rakyat China adalah hubungan Kerajaan dengan Kerajaan. Tidak ada kelambatan kalau lawatan itu diuruskan atau ditaja oleh Kerajaan. Berkenaan dengan permohonan peribadi, Kerajaan perlu menghalusi setiap permohonan melawat ke Republik Rakyat China agar lawatan itu tidak akan menimbulkan implikasi keselamatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen tidak bertanggungjawab dengan perkara pengeluaran visa ke Republik Rakyat China.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (*Hari Keempat*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Jawatankuasa*)

Maksud B. 15, B. 16, B. 17, B. 18, B. 19, B. 20 dan B. 21 (Jadual)—

Maksud P. 15, P. 17, P. 18, P. 19 dan P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

Tuan Pengerusi: Majlis telah menerima jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan sekarang saya jemput beliau menyambung jawabannya.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Menglembu telah menyentuh tentang pinjaman untuk Perbandaran Ipoh melaksanakan projek-projek saluran najis, klinik kanak-kanak dan pasar baru Ipoh, dan menyatakan bahawa sejak tiga tahun projek-projek tersebut telah diluluskan, Perbandaran tersebut tidak menggunakan peruntukan yang diluluskan itu.

Saya suka menjelaskan bahawa seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek saluran najis Ipoh adalah hanya diluluskan di bawah peringkat Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga iaitu hanya dalam tahun 1978. Dengan itu adalah tidak wajar bagi Ahli Yang Berhormat membuat tuduhan seperti yang tersebut. Projek saluran najis ialah projek yang besar dan memakan wang yang banyak, dengan itu kajian yang teliti harus dijalankan terlebih dahulu sebelum projek tersebut dapat dilaksanakan. Perbandaran Ipoh adalah sedang giat menyediakan rekabentuk atau "engineering design" pada masa ini dan dengan itu projek itu belum dilaksanakan dari segi fizikal. Kerajaan Persekutuan akan mengeluarkan wang pinjaman kepada Perbandaran tersebut berdasarkan kepada kemajuan perlaksanaan yang dicapai. Dengan itu setakat ini Kerajaan belum mengeluarkan wang kepada Perbandaran Ipoh.

Mengenai klinik-klinik kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak, projek tersebut telahpun siap dibina oleh Perbandaran Ipoh dan oleh sebab itulah token vote sebanyak \$10 diutukkan.

Berkenaan dengan pasar baru Ipoh, kelambatan dalam perlaksanaan projek itu timbul kerana "blue print" untuk pasar itu perlu dibuat semula bagi memenuhi kehendak Dasar

Ekonomi Baru. Masalah juga dihadapi oleh kontrektor untuk mendapatkan "steel bars" bagi tapak asas pasar baru tersebut.

Ahli Yang Berhormat wakil dari Menglembu juga telah menyentuh tentang kereta-kereta bomba yang telah berumur 20 tahun. Kementerian ini menyedarinya. Oleh kerana inilah peruntukan sebanyak \$16,632,287 telah diperuntukkan bagi membeli kereta-kereta bomba yang baru bagi menggantikan kereta-kereta bomba yang lama.

Mengenai penggunaan peruntukan pinjaman yang diberikan, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian saya mempunyai cara untuk memastikan bahawa pinjaman itu dibelanjakan untuk perumahan awam kos rendah. Sebelum pinjaman diluluskan butir-butir tiap-tiap projek seperti plan, layout, plan bangunan, costing disemak dan diteliti oleh Kementerian saya dari segi kesesuaian dan dari segi teknikal. Setelah pinjaman diluluskan negeri-negeri dimestikan mengemukakan laporan kemajuan tiap-tiap 3 bulan sekali. Di samping itu pegawai-pegawai Kementerian saya melawat projek-projek itu di negeri-negeri bagi memastikan kebenaran laporan negeri-negeri itu dan melihat sendiri kemajuan yang dicapai dan juga cuba mencari jalan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan.

Ahli Yang Berhormat dari Menglembu juga menyentuh apakah kedudukan pindaan-pindaan kepada Ordinan Pajak Gadai dan mengapa mengambil masa yang panjang untuk menetapkannya. Juga beliau meminta supaya kadar faedah dinyatakan dengan jelas dalam resit-resit. Saya suka menjelaskan pindaan-pindaan tertentu sedang dikaji di samping peraturan-peraturan supaya dapat dikemaskinikan. Kajian ini adalah meliputi beberapa aspek mengenai kelemahan-kelemahan peraturan dan dengan itu kajian yang lengkap dan mendalam perlu dibuat dan akan mengambil masa. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat memang adalah dalam perhatian Kementerian ini dan tindakan-tindakan yang perlu sedang diambil.

Yang Berhormat dari Ulu Langat adalah tidak benar Perkhidmatan bomba mempunyai keupayaan menentang kebakaran di masa aman sahaja. Penubuhan perkhidmatan bomba dirancang meliputi perkhidmatan di masa aman, juga di masa huru-hara.

Perkhidmatan Bomba sememang ada membuat lawatan ke pejabat-pejabat dan institusi-institusi, memberi ceramah-ceramah dan tunjukajar menggunakan alat-alat kebakaran kepada pekerja-pekerja di tempat-tempat tersebut.

Yang Berhormat dari Ulu Langat juga menjelaskan, taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang sebenarnya memang diambil perhatian melalui Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak mengabaikan tanggungjawab bagi menolong golongan pekerja ladang. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian saya telah menyediakan peruntukan wang sebagai punca pinjaman bagi pekerja-pekerja ladang untuk membina rumah sendiri. Sehingga ke tarikh ini Kementerian telah meluluskan 115 permohonan pekerja-pekerja ladang dengan tanggungan sebanyak \$101,750.

Wakil dari Ulu Langat juga menyoal mengapakah peruntukan yang sedikit diberi kepada Jabatan Pertahanan Awam dan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa suasana keselamatan dan politik di rantau ini dalam bahaya. Beliau berpendapat bahawa Jabatan Pertahanan Awam harus melatih dengan secukupnya anggota-anggota sukarela di Semenanjung Malaysia dan juga bagi negeri Sabah dan Sarawak dan melancarkan pengambilan tenaga dan melatih mereka dengan pesat. Oleh itu, peruntukan tambahan yang lebih banyak perlu diberi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kementerian saya sedar bahawa peruntukan bagi Jabatan Pertahanan Awam adalah kecil untuk mendapatkan keperluan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan sedang disediakan untuk menyusun semula Jabatan Pertahanan Awam dengan melibatkan penambahan kakitangan dan melatih lebih ramai anggota-anggota sukarela Pasukan Pertahanan Awam di seluruh negara di dalam Rancangan Malaysia Yang Keempat supaya dapat dikembangkan kepada suatu tenaga apabila dikehendaki dengan segera.

Berbalik saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, pelan induk Kuala Lumpur akan disediakan mengikut teknik-teknik perancangan bandar yang terbaharu dan akan memasukkan semua aspek-aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. Pelan ini dijangka akan selesai pada tahun 1980 dan akan merupakan satu pelan yang komprehensif untuk meninggikan perkembangan Kuala Lumpur yang teratur

dengan tekanan kepada peranannya sebagai Ibu Negara. Walau bagaimanapun tidak ada keputusan yang terperinci kepada semua masalah-masalah bandar kerana perlaksanaannya berkehendakkan kelonggaran dan panduan yang teliti untuk menemui keperluan perkembangan/perubahan sosial dan ekonomi.

Menyentuh mengenai teguran Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai perkhidmatan Bomba, ingin saya maklumkan iaitu:

- (i) Rancangan untuk mengadakan Balai Bomba di Sri Kembangan adalah telah dirancang dan di dalam rangka Rancangan Malaysia Yang Keempat.
- (ii) Rancangan untuk mengadakan Balai-balai Bomba di Kampung-kampung baru ini juga di dalam kajian.
- (iii) Bagi pemeriksaan pili-pili bomba pula ini sememang diusahakan. Tetapi bagi mendapatkan tekanan pressure yang mencukupi ini adalah mengikut water-main yang berada di tempat itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah juga menyentuh tentang kutipan wang pendaftaran oleh sebuah syarikat yang kononnya bercadang hendak menjalankan kemajuan perumahan. Syarikat ini telah juga disiasat dan didapati adalah sama seperti syarikat yang saya sebutkan semalam iaitu ianya telah hanya menjual tanah. Dengan demikian dan oleh sebab-sebab yang saya telah terangkan, belum ada lagi kawalan ke atas banyaknya atau jenisnya kutipan yang boleh dibuat oleh pemaju-pemaju tanah seperti yang sudah diwujudkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, boleh beri jalan untuk penjelasan.

Tuan Lee Lam Thye: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa kes yang dirujuk oleh saya iaitu mengenai sebuah Syarikat mengutip bayaran berkaitan dengan menjual lot tanah akan tetapi saya suka menjelaskan di sini bahawa apa yang saya sebutkan semalam ialah Syarikat yang berkenaan bukanlah menjual lot tanah tetapi menjual rumah-rumah dan di sini saya ada bukti kalau Tuan Pengerusi boleh mengizinkan saya.

Tuan Pengerusi: Itu tidak payah. Soal Yang Berhormat bangkitkan hari semalam ialah dalam iklan itu tidak ada syarat-syarat

sebagaimana yang dikehendaki. Tadi dalam iklan itu ada sebut menjual tanahkah atau termasuk juga rumah?

Tuan Lee Lam Thye: Iklan yang saya sebutkan adalah berkaitan dengan penjualan rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi: Iklan itu jelas berhubung dengan penjualan rumah kos rendah.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kalau begitu, Tuan Pengerusi, Syarikat itu adalah termasuk di dalam syarikat-syarikat yang kita ambil tindakan dan bawa ke Mahkamah kalau sekiranya benar.

Dengan yang demikian dan oleh sebab-sebab yang saya terangkan belum ada lagi kawalan ke atas perkara yang saya sebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh menyentuh mengenai kuasa Kementerian dalam masalah perumahan, saya mengakui bahawa kuasa yang ada pada Kementerian adalah terhad. Seperti Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa perkara perumahan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri sepertimana selalu saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini mengikut Perlembagaan Persekutuan. Projek-projek perumahan awam kos rendah adalah merupakan projek-projek negeri dan segala perancangan dan pelaksanaan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Kementerian saya adalah menyediakan peruntukan, memberi guidelines dan menolong pelaksanaan projek-projek ini di negeri-negeri yang memerlukannya.

Berhubung dengan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat pusat, saya ingin memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini telahpun diwujudkan sejak awal tahun ini dan dinamakan Jawatankuasa Penyelaras Perumahan Awam Kos Rendah. Terms of Reference Jawatankuasa yang wujud sekarang dikira memadai buat waktu ini. Walau bagaimanapun syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji dengan teliti dan sekiranya sesuai akan diamalkan.

Mengenai penggunaan peruntukan, saya ingin memaklumkan bahawa sehingga kini Kementerian saya telah meluluskan peruntukan sejumlah \$498.3 juta iaitu kira-kira 70% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri

untuk membina kira-kira 53,000 unit rumah. Kementerian saya sedar bahawa keperluan rumah, terutama rumah-rumah murah atau rumah awam kos rendah adalah tetap ada dan meningkat dari masa ke semasa. Atas kesedaran ini Kementerian saya bersedia menolong Kerajaan-kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek itu dan mengadakan lebih banyak peruntukan bagi negeri-negeri membina rumah-rumah awam kos rendah.

Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan dikaji.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Pagoh, bersabit dengan Skim Pinjaman Perumahan yang dibiayai dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah adalah peruntukan Kumpulan Wang Pusingan sebanyak \$10 juta sebagai peruntukan pertama. Pendek kata pulangan modal akan dipusingkan untuk tujuan pinjaman kepada pemohon-pemohon yang layak. Buat masa ini peruntukan ini masih mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Insya Allah sekiranya pihak Kementerian mendapati peruntukan ini tidak mencukupi, Kementerian saya akan memohon bagi menambah peruntukan yang ada.

Atas persetujuan Kerajaan Negeri Skim Pinjaman ini telahpun dilaksanakan di kawasan Muar dan Batu Pahat pada tahun ini.

Wakil dari Panti bercadang untuk mengadakan Balai Bomba di daerah Bandar Penggarang dan Kementerian saya boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya dalam hal ini.

Mengenai penempatan projek perumahan, perkara ini selalu dirancangan dan dibincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Penempatan projek ada ditentukan oleh negeri-negeri dan ianya biasanya ditentukan berdasarkan kepada keperluan perumahan di satu-satu tempat itu. Walau bagaimanapun, saranan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian dan Kementerian saya akan cuba memenuhinya dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga dan seterusnya Rancangan Malaysia Yang Keempat akan datang.

Mengenai SEDC-SEDC membeli 30% rumah-rumah yang diuntukkan kepada Bumi-putra, saya ingin memaklumkan bahawa SEDC-SEDC adalah di bawah Kementerian

Perusahaan Awam. Walau bagaimanapun perkara ini akan saya cuba bincangkan dengan pihak-pihak berkenaan untuk mengkaji kemungkinan ianya dilaksanakan.

Mengenai dengan kemajuan Perkampungan, berhubung dengan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat, Menglembu dan Panti, masing-masing mengenai:

- (i) "program" menyeluruh untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk di kampung-kampung baru, ladang-ladang dan lain-lain kampung di kawasan luar bandar;
- (ii) peruntukan \$1.9 juta yang dipohon bagi tahun 1980 terlalu kecil jika dibandingkan dengan bagi tahun-tahun yang lepas; dan
- (iii) peruntukan bantuan sebanyak \$118,000 yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri pada 16-8-1979 untuk beberapa cadangan projek Kemajuan Perkampungan di Kawasan Panti;

saya cuba memberikan penjelasan-penjelasan seperti berikut:

Usaha-usaha untuk memajukan keadaan dan taraf hidup di kampung-kampung baru, ladang dan lain-lain kampung di kawasan luar bandar bukan dilaksanakan oleh Kementerian saya sahaja, tetapi lain-lain Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga terlibat sama dalam usaha-usaha tersebut.

Memperbaiki keadaan dan taraf hidup di kampung-kampung di kawasan luar bandar, khususnya di kampung-kampung baru, bukan hanya dengan memajukan fizikal dan meluaskan kawasan semata-mata, tetapi boleh juga dengan cara mencari jalan-jalan untuk menambah pendapatan penduduk-penduduk dari tempat-tempat atau punca-punca yang ada di sekitarnya, sama ada melalui peluang pekerjaan, perusahaan dan usaha-usaha pertanian, dan mengubah sikap dan pandangan penduduk-penduduk tersebut.

Dalam hubungan ini Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Kementerian saya dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan telah melancarkan 2 kajian iaitu seperti berikut:

- (a) kajian ke atas kampung-kampung baru untuk tujuan memahami secara mendalam masalah-masalah yang dihadapi

di kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisional di persekitaran; dan

- (b) kajian ke atas semua kampung-kampung di seluruh negara untuk tujuan memperingkatkan kampung-kampung dalam 3 kategori A, B dan C.

Hasil dari kajian-kajian yang telah dijalankan, beberapa kekurangan dan masalah telah pun dikesan. Laporan berserta perakuan-perakuan mengenainya telah pun dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan. Di antara beberapa projek yang telah

Tuan Pengerusi: Sabar, Yang Berhormat!

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan. Apa yang saya timbulkan dalam Dewan ini semalam ialah meminta penjelasan daripada pihak Timbalan Menteri berhubung dengan janji Menteri pada awal tahun ini mengenai \$118,000 yang telah diisytiharkan. Jadi penjelasan yang saya minta sama ada Menteri yang baru ini akan meluluskan janji itu. Terima kasih.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, janji itu adalah janji atas prinsipal. Walau janji dari mana-mana Menteri pun ia mestilah dilaksanakan. Bukan janji atas nama diri tetapi atas nama Menteri, rancangan-rancangan itu akan diteruskan.

Tuan Pengerusi: Ini janji mesti ditepati. Sila.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Beberapa Kerajaan Negeri pula, seperti Kedah, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor telah dan sedang merancang meluaskan kawasan kampung-kampung baru atau memberikan tanah tapak rumah kepada penduduk-penduduk yang tiada bertapak rumah sendiri.

Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri juga sentiasa melawat ke kampung-kampung untuk mengkaji dan melihat sendiri dengan lebih dekat keadaan hidup, pembangunan dan sebagainya, dan memberi peruntukan bantuan untuk projek-projek kecil kemajuan perkampungan mengikut keutamaan atau "felt needs" penduduk-penduduk kampung yang dilawati.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah diperuntukkan sejumlah \$19.4 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak lebih kurang \$17 juta telah di-

bahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek kecil Kemajuan Perkampungan di negeri masing-masing dalam tahun 1976, 1977, 1978 dan 1979. Manakala \$1.9 juta lagi akan dibahagi-bahagikan pada tahun 1980. Peruntukan \$1.9 juta yang diperlukan untuk tahun 1980 itu adalah difikirkan mencukupi, memandangkan usaha-usaha untuk memajukan kampung-kampung di luar bandar juga dijalankan oleh Kementerian-kementerian lain dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, jika diperlukan, peruntukan tambahan akan dipohon pada masa hadapan.

Pada 16-8-1979 semasa lawatan beliau ke Kampung Sungai Rengit, Pengerang, Yang Berhormat Datuk Menteri telah mengumumkan persetujuan pada dasarnya Kementerian menimbangankan peruntukan bantuan berjumlah sebanyak \$118,000 untuk beberapa cadangan projek-projek kecil kemajuan perkampungan bagi kawasan Panti.

Sebelum sesuatu Waran Peruntukan dikeluarkan pihak Kementerian saya menjalankan penyiasatan untuk menentukan projek-projek yang dicadangkan itu benar-benar diperlukan oleh penduduk-penduduk tempatan, projek-projek mempunyai tapak-tapak yang sah dan sesuai, dan juga untuk mendapatkan penentuan-penentuan terperinci mengenai tiap-tiap projek.

Oleh kerana penyiasatan akan memakan masa dan pihak-pihak yang melaksanakan projek-projek juga memerlukan masa untuk mempelawa dan menerima tender dan sebagainya dan masa pun sudah sampai ke penghujung tahun, maka Waran Peruntukan untuk projek yang dicadangkan itu tidak wajar dikeluarkan pada masa ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian saya akan mengeluarkan Waran Peruntukan pada awal tahun hadapan supaya projek-projek yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson telah menyentuh tentang kekurangan ahli-ahli Majlis Penguasa-penguasa Tempatan di negeri Perak akibat daripada pencantuman Penguasa-penguasa Tempatan untuk menjadikan Majlis Daerah dan ahli-ahli Majlis baru tidak dapat mewakili kawasan baru. Selanjut itu mencadangkan kewujudan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Perkampungan seperti yang didapati di kampung-kampung.

Kerajaan Perak adalah sedang melaksanakan dasar penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan dengan tujuan mewujudkan Penguasa-penguasa Tempatan yang lebih keupayaan dan berkesan. Selaras dengan objektif ini beberapa Penguasa-penguasa Tempatan yang kecil dan lemah dari segi kewangan dan kakitangan telah dicantumkan dan ditadbirkan oleh sebuah Majlis yang lebih besar dan keupayaan. Dengan itu ahli Majlis adalah dilantik untuk menduduki di Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Ahli-ahli Majlis yang dilantik itu akan mewakili kepentingan penduduk-penduduk tempatan. Kalau dibandingkan dengan bilangan Wakil Rakyat yang didapati di tempat yang ditadbirkan oleh Penguasa Tempatan tersebut, saya berpendapat bahawa bilangan ahli-ahli Majlis adalah memadai. Apa yang penting ialah bukan bilangan ahli Majlis tetapi kaliber ahli-ahli Majlis yang dilantik itu. Dengan itu adalah tidak perlu untuk mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung untuk menggantikan keujudan Penguasa Tempatan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson juga telah menyentuh Kepala Pembangunan 15, Pecahan-kepala 12—Perumahan di Kampung-kampung Baru, saya ingin menjelaskan bahawa peruntukan itu bukannya dikhaskan kepada Kampung-kampung Baru yang ditubuhkan dalam masa darurat sepertimana yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi ianya sebenarnya adalah merupakan projek-projek/program sambungan Rancangan Malaysia Kedua bagi perumahan di Kampung Baru Kuala Lumpur. Peruntukan asal yang diadakan ialah \$10 juta dan kira-kira \$8.5 juta telah dibelanjakan bagi mengadakan rumah-rumah di Kampung Baru Kuala Lumpur bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh tentang kenaikan cukai taksiran yang telah dikenakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai di rumah-rumah yang tertentu, di mana ada kes di mana tuannya rumah ada kena membayar cukai taksiran sebanyak 500%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai taksiran yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai itu adalah hasil daripada satu latihan untuk menilai semula harta-harta yang tidak bergerak oleh Majlis

tersebut. Tindakan untuk menilai semula harta-harta tersebut ialah bertujuan untuk menetapkan nilai tahunan yang berdasarkan kepada "present market value" dan juga untuk menghapuskan ketiadaan keadilan yang telah berlaku dalam masa yang lampau. Kes-kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah kes-kes di mana nilai tahunan harta tersebut adalah berdasarkan kepada nilai tahunan yang telah ditetapkan dalam masa yang lampau. Akibat daripada penilaian semula yang telah dijalankan itu, nilai tahunan harta-harta tersebut telah dinaikkan kepada "present market value". Dengan itu memang benar bahawa tuannya rumah tersebut akan membayar cukai taksiran yang lebih tinggi sedikit kalau dibandingkan dengan cukai taksiran yang telah dikenakan dahulu. Akibat daripada penilaian semula harta-harta itu, ada juga tuannya-tuannya rumah yang kena membayar cukai taksiran yang lebih rendah daripada cukai taksiran yang dikenakan dahulu.

Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 ada peruntukan yang membenarkan tuannya rumah untuk membuat bantahan secara bertulis kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai di atas alasan-alasan seperti sesuatu pegangan yang baginya ia dikenakan kadar adalah dinilai lebih daripada nilainya yang boleh dikenakan kadar dan sebagainya.

Wakil Bukit Mertajam juga telah menyentuh B. 17—Pili-pili Bomba yang dinyatakan oleh wakil tersebut—pertanyaan yang sama juga akan dibangkitkan pada 26-11-1979.

Walau apa juapun di dalam tahun 1980 kelak perkara ini akan dapat diatasi.

Yang Berhormat dari Dungun mengenai Perpustakaan Awam, perkhidmatan Perpustakaan Awam adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri melalui Perbadanan-perbadanan Perpustakaan Awam Negeri yang telah ditubuhkan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia. Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri untuk memajukan perkembangan Perpustakaan Awam dengan memberi geran di bawah Rancangan Malaysia 5 tahun. Bantuan ini diberi untuk membeli dan menambah koleksi perpustakaan seperti buku, majallah dan bahan-bahan seperti filem, kaset dan sebagai membeli kelengkapan alat-alat perpustakaan, menambah dan membaiki bangunan dan membelikan perpustakaan bergerak untuk memberi per-

khidmatan di kawasan-kawasan terpencil. Bantuan ini akan dipergiatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai menarik minat rakyat untuk menggunakan perpustakaan dengan mengadakan tayangan gambar dan lain-lain. Pada masa ini, kebanyakan perpustakaan telahpun mempunyai program untuk menarik minat orang ramai terutamanya kanak-kanak dengan mengadakan tayangan gambar, pameran, sesi bercerita dan berlakun, kerja tangan dan melukis, mainan "educational games", sesi dialog dan sebagainya.

Mengenai waktu buka perpustakaan, kebanyakan Perpustakaan Awam dibuka hingga pukul 6.00 petang dan juga dibuka di waktu rehat tengahari. Waktu buka perpustakaan ini akan dipanjangkan lagi mengikut keperluan orang ramai.

Tuan Pengerusi, mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan yang mana saya tidak menjawab dalam Dewan yang mulia ini pihak Kementerian saya mengambil perhatian dan mengambil catitan yang mana pandangan-pandangan yang membina akan kita laksanakan. Dengan demikian saya memohon kelulusan Dewan bagi anggaran untuk Kementerian saya dan bagi kesemua enam Jabatan dibawahnya berjumlah \$340,578,039 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,125,000 untuk Maksud B. 15, \$2,762,400 untuk Maksud B. 16, \$27,125,000 untuk Maksud B. 17, \$2,270,000 untuk Maksud B. 18, \$2,847,000 untuk Maksud B. 19, \$22,193,000 untuk Maksud B. 20 dan \$1,430,000 untuk Maksud B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$233,206,604 untuk Maksud P. 15, \$20,232,287 untuk Maksud P. 17, \$4,102,580 untuk Maksud P. 18, \$3,090,020 untuk Maksud P. 19 dan \$6,194,148 untuk Maksud P. 20 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengemukakan Anggaran Belanjawan di bawah Maksud B. 22 dan Maksud P. 22.

Maksud B. 22 (Jadual)—

Maksud P. 22 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

4.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa peruntukan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Maksud B. 22 untuk Belanja Mengurus sebanyak \$5,486,800 dan di bawah Maksud P. 22 untuk Pembangunan sebanyak \$131,261,810 yang kesemuanya berjumlah sebanyak \$136,747,610 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi, Kementerian Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan pada 28hb Julai, 1978 adalah bertujuan untuk merumus dasar, merancang strategi dan menentukan matlamat pembangunan Wilayah Persekutuan dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan dan agama terhadap pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Untuk menjalankan tujuan ini Kementerian ini memerlukan sejumlah \$5,486,800 untuk Belanja Mengurus dan \$131,261,810 untuk Belanja Pembangunan Peruntukan Pembangunan sebanyak \$131,261,810 adalah untuk menjalankan beberapa projek di kawasan Bandaraya untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian.

Bagi tahun 1980 Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus memberi perhatian yang berat terhadap masalah-masalah besar yang dihadapi oleh rakyat terutama sekali dari golongan yang berpendapatan rendah. Projek-projek yang diberi keutamaan ini ialah pembinaan rumah-rumah murah untuk menyelesaikan masalah setinggian dan masalah perumahan bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, projek-projek memperbaiki lalulintas, projek pembetong, projek perparitan untuk mengatasi masalah banjir di beberapa kampung-kampung di Wilayah ini serta kemudahan-kemudahan sosial dan rekreasi bagi kawasan-kawasan yang belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan tersebut.

Projek rumah murah akan diberi keutamaan pada tahun hadapan dan akan menjadi projek utama di dalam Rancangan

Malaysia Keempat nanti. Pembinaan rumah murah di Wilayah Persekutuan telah menghadapi berbagai-bagai masalah dalam pelaksanaan dan masalah ini terdiri dari keadaan tanah yang kebanyakannya bekas lombong, masalah setinggan di atas tapak tanah yang dikehendaki untuk mendirikan rumah murah itu, masalah kekurangan bahan-bahan binaan serta masalah kemampuan pemborong-pemborong pembinaan. Pada tahun-tahun permulaan Rancangan Malaysia Ketiga usaha-usaha ditumpukan terhadap menyelesaikan masalah ini terutama sekali masalah tanah dan dengan usaha-usaha ini banyak daripada projek-projek perumahan ini dibina dan disiapkan di hujung Rancangan Malaysia Ketiga. Pada akhir tahun ini dan awal tahun hadapan sebanyak 2,938 lagi yunit rumah akan siap untuk diduduki. Selain daripada itu semua projek-projek perumahan yang telah dirancang adalah "on the ground" yakni sedang dibina dan akan siap berperingkat-peringkat.

Pada tahun 1980 juga usaha-usaha akan diteruskan untuk menyediakan tanah-tanah, tapak-tapak perumahan, pemindahan setinggan-setinggan sebagai persiapan bagi pelaksanaan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Keempat nanti. Kementerian ini sedang merancang strategi-strategi yang baru untuk mempercepat pembinaan rumah-rumah murah itu dengan cara membina secara besar-besaran. Walaupun masalah setinggan ini tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat, kemudahan-kemudahan akan terus diberi kepada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan setinggan supaya mereka juga tidak ketinggalan untuk mengecap nikmat-nikmat kemudahan perbandaran seperti juga penduduk-penduduk yang lain. Bagi melaksanakan projek ini dalam tahun 1980 peruntukan sebanyak \$54,795,400 adalah diperlukan. Bagi mempercepat pemindahan setinggan yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan yang kian pesat dilaksanakan di Wilayah Persekutuan, pihak Dewan Bandaraya akan didirikan rumah-rumah panjang sementara atau "transit quarters". Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya diperuntukkan sebanyak \$15,730,000 secara langsung untuk membina 3,512 yunit rumah panjang bagi tahun 1980 peruntukan sebanyak \$6,000,000 diperlukan bagi membiayai projek-projek yang sedang dilaksanakan. Setinggan-setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan akan dipindahkan apabila rancangan rumah pangsa telah siap.

Kesesakan Lalulintas di Kuala Lumpur telah lama menjadi masalah yang rumit dihadapi oleh penduduk-penduduk dan Kerajaan telah mengambil tindakan secara besar-besaran untuk menyelesaikan masalah ini. Kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan yang dikendalikan oleh Dewan Bandaraya dan Kementerian Kerjaraya sedang pesat dilaksanakan di segenap penjuru bandaraya ini. Apabila projek-projek ini selesai dilaksanakan, masalah kesesakan lalulintas tidak akan lagi menjadi masalah besar bagi Kuala Lumpur. Pelaksanaan Skim Memperbaiki Lalulintas yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya pada keseluruhannya akan mencapai target yang telah ditetapkan dan sebahagian besar daripada projek-projek ini akan siap di pertengahan tahun hadapan. Projek-projek memperbaiki 11 persimpangan-persimpangan yang penting telah siap dilaksanakan. Satu projek penting yang menyelesaikan kesesakan lalulintas ialah pembinaan jalan lingkaran dalam (inner ring road) yang akan membawa perubahan yang nyata di dalam penyelesaian masalah lalulintas. 70% daripada jalan ini telah pun siap dan bakinya akan terlaksana pada awal tahun 1981. Masalah yang dihadapi oleh pelaksanaan projek ini ialah masalah tanah iaitu pengambilan balik tanah (land acquisition). Satu skim yang pertama kali akan diperkenalkan di negara ini ialah "Area Traffic Control" yang menggunakan komputer untuk mengawas lampu-lampu isyarat dengan tujuan untuk melicinkan pengaliran lalulintas di kawasan-kawasan pusat bandar. Projek ini akan siap dan digunakan pada pertengahan tahun 1980.

Dewan Bandaraya sekarang ini sedang membina sebuah bangunan baru yang berharga kira-kira \$40,000,000 untuk menempatkan kebanyakan pejabat yang terdapat di beberapa tempat yang mana menimbulkan kesulitan perhubungan dan penyelarasan kerja. Bangunan setinggi 30 tingkat ini dijangka akan siap pada Mac, 1980 dan sehingga kini peruntukan sebanyak \$26,519,000 (secara pinjaman) telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, dan bagi tahun 1980 sejumlah \$6,000,000 adalah diperlukan bagi menyiapkan projek ini. Di samping itu juga pihak Dewan Bandaraya akan membina 3 buah pejabat Cawangan iaitu di Jinjang, Bandar Baru Cheras dan Bandar Baru Sentul, dalam usaha memberi kemudahan kepada orang ramai secara decentralised. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Cawangan pejabat di Jinjang telah pun siap sejak 3 bulan lalu, dan cawangan di Bandar Baru

Cheras (Kg. Konggo) dijangka siap dalam tahun 1980 dan cawangan di Bandar Sentul Baru sedang dirancang. Bagi tujuan ini sebanyak \$2,350,000 telah diluluskan kepada Dewan Bandaraya bagi pembinaan cawangan-cawangan pejabat tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sebanyak \$1,100,000 diperlukan bagi tahun 1980. Di bawah peruntukan yang sama juga Kementerian Wilayah Persekutuan akan membina beberapa buah pusat yang dikenali sebagai Pusat-pusat Perhubungan dan Perkhidmatan Masyarakat dan "one stop centre" untuk kemudahan kepada orang ramai membayar bil-bil bulanan dan tahunan seperti bil elektrik, air, talipon, cukai pintu dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, adalah juga menjadi tujuan Kementerian ini untuk memberi kemudahan sosial kepada orang ramai iaitu dengan membina dewan serbaguna seperti di Kampung Batu dan Kampung Konggo, Bekalan air ke Kampung Sg. Penchala/Kg. Pelambayan/Bukit Lajan, Kolam Renang Taman Kuantan dan Bandar Baru Cheras, Klinik Ibu Mengandung di Taman Tun Ismail, Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Taman Baru Cheras, perkhidmatan pembersihan di kampung-kampung, bekalan paip umum, rumah untuk penempatan semula peminta-peminta sedekah dan mengawal cacing. Bagi melaksanakan projek-projek tersebut pada tahun 1980 sebanyak \$3,673,800 adalah diperlukan.

Masalah banjir adalah juga diambil berat oleh Kementerian ini dan di dalam usaha mengatasi masalah banjir terutama banjir kilat beberapa batang sungai dan parit perlu dibaiki seperti anak Sg. Kuyoh, anak Sg. Jinjang, anak Sg. Kerayong, Sg. Keroh, anak Sg. Bonos, parit di Kg. Pasir Baru dan lain-lain lagi. Bagi tujuan ini sebanyak \$4,250,000 adalah diperlukan bagi tahun 1980.

Bagi mengatasi masalah perumahan Kementerian ini juga mengadakan satu skim yang dinamakan Skim Pertapakan dan Kemudahan (sites and services) yang bertujuan bagi penyediaan rumah-rumah murah kepada golongan berpendapatan rendah. Projek ini sebahagian besar adalah dibiayai daripada pinjaman Bank Dunia. Penduduk yang berkenaan dipindahkan ke Skim Pertapakan asas (core house) atas tapak rumah serta kemudahan-kemudahan asas yang perlu. Mereka dibenarkan membuat tambahan kepada rumah asas atau membina rumah sendiri di tapak yang disediakan. Projek ini sedang dilaksanakan di Kg. Selamat dan Kg. Malaysia

Tambahan. Peruntukan bagi tahun 1980 sebanyak \$3,000,000 diperlukan.

Tuan Pengerusi, masalah penjaja dalam Wilayah Persekutuan adalah menjadi satu issue yang selalu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam hubungan ini adalah dinyatakan bahawa perkara ini memang sentiasa dalam pandangan yang berat oleh Kementerian saya. Tambahan pula penjaja-penjaja di Wilayah Persekutuan ini membantu rakyat dengan cara menurunkan kos penghidupan di Wilayah Persekutuan ini dengan cara membekalkan makanan-makanan murah. Di dalam usaha menyediakan kemudahan perniagaan terutama sekali bagi menggalakkan penyertaan Bumiputra selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Dewan Bandaraya akan membina sebuah kompleks perniagaan dan pasar di Sg. Besi. Peruntukan sebanyak \$500,000 adalah diperlukan dalam tahun 1980. Di samping itu juga pihak Dewan Bandaraya akan membina beberapa kompleks gerai dan pasar untuk menempatkan penjaja-penjaja di Bandaraya.

Tuan Pengerusi, pihak Dewan Bandaraya juga perlu menambahkan bilangan kenderaan dan jentera untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan di sekitar Wilayah Persekutuan. Adalah didapati Depoh dan Bengkel Dewan Bandaraya di Jalan Cheras didapati tidak mencukupi bagi menampung bilangan kenderaan yang bertambah dan kerja-kerja pembaikan dan perluasan sedang dilaksanakan.

Bagi tahun 1980 sebanyak \$2,314,900 adalah diperlukan. Bagi mengurangkan perjalanan, Dewan Bandaraya akan juga membina Depoh Cawangan di Bandar Baru Sentul dan ianya sedang dilaksanakan dan bagi tahun 1980 sebanyak \$1,050,000 adalah diperlukan bagi melaksanakan pembinaan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun perkhidmatan Bomba Kuala Lumpur telah diambil alih oleh Jabatan Bomba Persekutuan, Dewan Bandaraya masih meneruskan pembinaan balai-balai bomba di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Pantai, Jinjang, Sg. Besi, Setapak dan Kg. Konggo dengan peruntukan sebanyak \$5,550,000. Sehingga kini Balai Bomba di Pantai, Jinjang dan Sg. Besi telahpun siap dibina dan digunakan bagi tahun 1980 sebanyak \$1,709,900 adalah diperlukan bagi membina balai bomba di Bandar Baru Cheras, Kampong Konggo dan Setapak.

Tuan Pengerusi, bagi menambah bilangan pasar borong yang ada sekarang, pihak Dewan Bandaraya akan membina sebuah lagi pasar borong di Batu 7, Jalan Ipoh dan bagi tujuan ini sebanyak \$1,200,000 adalah diperlukan bagi tahun 1980.

Bagi tujuan memberi kemudahan orang ramai dan menjaga kesihatan awam pihak Dewan Bandaraya sedang melaksanakan Pelan Induk Saluran Najis bagi Kuala Lumpur dan pinjaman sejumlah \$137,600,000 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang sebahagiannya dibiayai oleh Bank Dunia. Bagi tahun 1980 sejumlah \$27,000,000 diperlukan bagi melaksanakan projek ini. Bagi kemudahan kesihatan di kawasan setinggan pula di bawah projek paip umum (standpipes) dan jamban curah di Wilayah Persekutuan sebanyak \$175,000 adalah diperlukan bagi tahun 1980 untuk membina 500 buah jamban curah di kawasan-kawasan setinggan.

Tuan Pengerusi, sebuah Pusara Negara akan dibina yang terletak di Bukit Kiara Estate Damansara, di kawasan seluas 300 ekar bagi mengkebumikan pahlawan-pahlawan negara dan dianggarkan \$3,000,000 diperlukan bagi pembinaan tersebut dan bagi tahun 1980 sejumlah \$1,110,000 diperlukan bagi membina infrastruktur dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini juga mengambil berat tentang agama Islam di Wilayah Persekutuan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab dalam Hal Ehwal Agama Islam di Wilayah Persekutuan. Majlis ini mempunyai objektif antara lain mengujudkan masyarakat Islam yang dinamik dan progresif yang tidak memisahkan matlamat penghidupan mereka demi mencari keredaan Allah s.w.t. menggalak dan memajukan secara seimbang, pembangunan material dan rohaniah umat Islam selaras dengan usaha menghapuskan kemiskinan seperti tercantum dalam Dasar Ekonomi Baru; dan akhir sekali menyeru, menggalak dan melaksanakan usaha-usaha kebajikan serta mencegah segala yang mungkar.

Antara lain tugas yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam adalah terbahagi kepada Pentadbiran Am, Pelajaran, Zakat dan Baitumal, Pentadbiran Kariah, Pembangunan, Penerbitan dan Penerangan, Pendakwa dan Penguatkuasa, Pejabat Kadi dan Mahkamah Syariah, Pejabat Mufti dan Kebajikan Hal

Ehwal Saudara Baru. Untuk melaksanakan projek-projek tersebut di atas Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan memerlukan peruntukan mengurus di bawah Kepala B. 22 sebanyak \$2,825,336 bagi tahun 1980. Sementara itu peruntukan sebanyak \$6,540,000 adalah diperlukan bagi perbelanjaan pembangunan tahun 1980.

Peruntukan mengurus sebanyak \$2,825,336 adalah terdiri daripada \$1,276,896 bagi pembayaran gaji, elaun dan tambahan kos kakitangan, \$458,200 bagi Perkhidmatan dan Bekalan termasuk perbelanjaan perjalanan, perhubungan, utiliti, sewaan dan lain-lain keperluan perkhidmatan. Majlis juga memerlukan peruntukan sejumlah \$50,000 bagi pemilikan harta modal bagi menyediakan kemudahan dan kelengkapan pejabat. Sebanyak \$1,040,240 adalah diperlukan untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap, yang mana ianya adalah termasuk memberi sugu hati kepada Ahli Jawatankuasa 24 buah masjid, membaiki 6 buah masjid, bantuan kepada 18 buah sekolah Ugama, pemberian tetap kepada Masjid Jamek Bandar dan Masjid Al-Rahman, pemberian tetap tahunan kepada Kelas-kelas Mukaddam dan lain-lain lagi.

Sementara itu di bawah Majlis Agama Islam juga perbelanjaan pembangunan yang diperlukan sebanyak \$6,540,000 bagi tahun 1980 adalah untuk projek-projek agama seperti pembinaan masjid-masjid baru, surau-surau, pembesaran masjid-masjid yang ada, pembinaan sekolah Agama Rakyat, pembinaan Pejabat Kadi, pembelian tanah dan bangunan dan pembangunan tanah wakaf. Di antara masjid-masjid yang akan dibina ialah Masjid Bangsar, Masjid Damansara, Masjid Kg. Konggo Cheras dan Masjid Kg. Padang Balang.

Tuan Pengerusi, untuk belanja mengurus Kementerian Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat) iaitu Pentadbiran Am memerlukan \$1,403,414 bagi tahun 1980 yang aktiviti-aktivitinya dijalankan oleh 3 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Perancangan dan Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Penyelarasan dan Pengesanan. Perbelanjaan mengurus sebanyak \$1,403,414 adalah terdiri daripada \$867,399 bagi pembayaran gaji, elaun dan tambahan kos kakitangan. \$535,315 pula adalah bagi perkhidmatan dan bekalan termasuk perbelanjaan perjalanan, perhubungan, utiliti

dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas. Bagi perbelanjaan membeli perabot dan alat kelengkapan sebanyak \$700 diperlukan dan kesemua aktiviti Pentadbiran Am Kementerian ini adalah berjumlah \$1,403,414.

Tuan Pengerusi, Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan pula; bagi tahun 1980 memerlukan sejumlah \$1,258,050 untuk belanja mengurus demi untuk melicinkan lagi pentadbiran tanah serta mengendalikan pentadbiran dan urusan tanah di Wilayah Persekutuan.

Peruntukan sebanyak \$1,258,050 bagi Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan adalah terdiri daripada \$982,100 bagi pembayaran gaji dan kos kakitangan serta elaun, \$267,600 pula bagi perkhidmatan dan bekalan termasuk perbelanjaan perjalanan, perhubungan dan perkhidmatan ikhtisas. Jabatan ini juga memerlukan sebanyak \$7,500 bagi pemilikan harta modal untuk menyediakan kemudahan pejabat dan sebanyak \$850 bagi pemberian dan kenaikan bayaran.

Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan adalah bertanggungjawab ke atas semua aspek pentadbiran tanah di dalam Wilayah Persekutuan dan ditadbirkan mengikut susunan "Yunit Sistem" seperti berikut iaitu Yunit Pembangunan Tanah, Yunit Pemberian Milik Tanah, Yunit Lesen, Menduduki Sementara dan Harta Pesaka Kecil, Yunit Hak Milik Subsidiari, Yunit Pentadbiran dan Kewangan, Yunit Juruteris, Yunit Pendaftaran, Yunit Pungutan Hasil, Yunit Setinggalan dan Yunit Pengambilan Balik Tanah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan telah dan akan berusaha menyelesaikan masalah berhubung dengan soal setinggalan-setinggalan, pengeluaran suratan Hakmilik Rumah Pangsa, pengambilan balik tanah bagi projek-projek Kerajaan yang besar-besarnya terutama bagi mengadakan jalan-jalan, rancangan perumahan dan lain-lain lagi dengan bekerjasama dengan Dewan Bandaraya, juga akan bekerja rapat dengan Dewan Bandaraya untuk mencapai objektif Kerajaan mengadakan rumah-rumah berharga murah untuk rakyat berpendapatan rendah di sekitar Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mengemukakan belanjawan mengurus dan pembangunan bagi Maksud B. 22 untuk Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Perse-

kutuan, Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan dan Ibu Pejabat serta Maksud P. 22 untuk Dewan Bandaraya untuk diluluskan oleh Dewan ini dan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud Bekalan B. 22 sebanyak \$5,486,800 dan Maksud Pembangunan P. 22 berjumlah sebanyak \$131,261,810 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan, sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.28 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, sebagai salah seorang Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan, suka saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Tadi apabila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen membentangkan Anggaran Perbelanjaan dan juga Anggaran Pembangunan untuk Kementerian yang berkenaan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa beberapa projek ada di dalam rancangan untuk dilaksanakan pada tahun 1980.

Tuan Pengerusi, mengenai apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin memberi sedikit pandangan. Salah satu daripada tujuan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah ditubuhkan pada 28hb Julai, 1978 adalah untuk merumuskan dasar merancang strategi dan menentukan matlamat pelaksanaan pembangunannya. Memandangkan ini, saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan apa yang saya anggap dan rasa sebagai tugas yang penting yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan dengan secepat yang mungkin. Adalah jadi harapan saya bahawa Kementerian akan memberikan keutamaan dalam menyelesaikan masalah-masalah utama berikut yang memerlukan penyelesaian.

Yang pertama ialah pembinaan bandar-bandar baru dengan tujuan untuk memperuntukkan kemudahan perumahan dan juga lain-lain kemudahan yang lebih baik dan lebih elok dan juga untuk menyelaraskan perkembangan dan pertambahan penduduk serta menurunkan pemusatan mereka di dalam pusat Bandaraya Kuala Lumpur.

Kedua, menyejatkan pengemukaan pelan induk untuk Wilayah Persekutuan yang sempurna bagi tujuan memandu perkembangan dan pertumbuhannya.

Ketiga, menyelesaikan masalah perumahan awam kos rendah yang begitu mendesak oleh kerana lebih daripada 25,000 pemohon sekarang berada dalam senarai menunggu (waiting list) untuk rumah kos rendah. Di samping ini adalah perlu untuk menentukan dan juga melaksanakan satu sistem pembahagian rumah kos rendah di mana mereka yang sangat memerlukannya diberikan ketutamaannya.

Keempat, memperbaiki sistem pengangkutan awam dan menyejatkan penyediaan sistem jalan lingkar yang tadipun telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebagai satu cara mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Kelima, menubuhkan satu unit khas untuk menyejatkan penyediaan kemudahan asas seperti bekalan air, api elektrik dan kemudahan kesihatan, kebersihan kepada kawasan-kawasan setinggan oleh Dewan inipun telah diberitahu pada masa dahulu bahawa Dewan Bandaraya ada satu rancangan untuk memperuntukkan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan lain-lainnya kepada kawasan-kawasan setinggan dan saya berharap bahawa ini dapat dipercepatkan dengan penubuhan satu unit khas untuk menyejatkan tugasnya.

Keenam, memperbaiki alam sekitar menerusi kawalan pencemaran supaya Kuala Lumpur akan menjadi satu tempat yang bersih dan sihat untuk didiami.

Ketujuh, mencari tempat-tempat yang lebih sesuai untuk penjaja-penjaja dan selalu menggunakan satu pendekatan atau approach yang flexible dalam mengatasi masalah penjaja-penjaja.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada fakta bahawa Wilayah Persekutuan berdepan dengan cabaran-cabaran yang besar dalam hal pentadbiran untuk hari-hari yang akan datang adalah perlu Kementerian yang berkenaan sebagai Kementerian yang baru mestilah dibekalkan dengan maklumbalas (feedback) yang mustahak dan nasihat yang diperlukan bagi memudahkannya merancang program-program yang dapat memenuhi kehendak-

kehendak penduduk yang tinggal di dalam Wilayah Persekutuan ini. Dengan fikiran ini saya suka menyarankan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menguasai penubuhan satu Penal Penasihat yang mengandungi Ahli-ahli Profesional, wakil Kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan 5 orang Ahli Parlimen dipilih yang mewakili 5 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan guna membincangkan semua masalah dan isu yang ada kaitan dengan pembangunan Wilayah Persekutuan. Penal Penasihat ini kemudiannya bolehkah merekomenkan kepada Kementerian berkenaan mengenai apa yang perlu dilakukan untuk menyelenggarakan pembangunan dalam Wilayah Persekutuan dan membawakan perubahan-perubahan yang benar-benar memberi faedah kepada penduduk-penduduknya. Masalah-masalah dalam Wilayah Persekutuan tidak boleh diselesaikan secara berdikit-dikit tetapi harus diselesaikan menerusi konteks pembangunan Wilayah Persekutuan dan dalam kepentingan orang ramai pada keseluruhannya.

Apa yang perlu ialah Wilayah Persekutuan mestilah melibatkan sepenuhnya penyertaan kelima-lima orang Ahli Parlimen dalam mengatasi dan menyelesaikan masalah yang ada. Ahli-ahli Parlimen yang dipilih ini dari berbagai kawasan pilihanraya bertugas untuk kepentingan dan kehendak rakyat dan mereka berada dalam kedudukan yang baik, yang elok dan boleh memainkan peranan sebagai maklumbalas (feedback) kepada dasar-dasar Kerajaan.

Sekarang saya suka beralih kepada Maksud P. 22, muka surat 142, Butiran 1—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Dengan membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah untuk Wilayah Persekutuan saya berharap pihak berkuasa yang berkenaan, iaitu Dewan Bandaraya akan memperuntukkan rumah-rumah kos rendah kepada mereka yang benar-benar memerlukannya yang telah lama memohonnya dan tidak sahaja dinyatakan bahawa flet-flet ataupun rumah-rumah pangsa tersebut hanya digunakan untuk penempatan semula setinggan-setinggan yang terlibat dalam projek-projek Kerajaan. Kita selalu mendengar bahawa Dewan Bandaraya ada rancangan untuk membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah, misalnya dalam Rancangan Malaysia Keempat saya difahamkan bahawa Dewan Bandaraya pun ada satu rancangan untuk membina lebih kurang 30,000 unit rumah-rumah kos rendah akan

tetapi yang anihnya ialah sungguhpun banyak rumah-rumah kos rendah akan dibina akan tetapi ramai pemohon-pemohon yang telah menyampaikan permohonan mereka kepada Dewan Bandaraya, misalnya lebih kurang 5 atau 6 tahun yang lepas pun belum mendapat berita bilakah mereka dapat diperuntukkan rumah pangsa. Pada masa sekarang dasar Dewan Bandaraya tidak menguntukkan rumah-rumah kos rendah kepada orang ramai tetapi dikhaskan untuk setinggan-setinggan yang terlibat dalam projek Kerajaan. Memandangkan hal ini bahawa lebih banyak rumah-rumah akan didirikan, saya menyeru supaya satu peruntukan diberikan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar memerlukan.

Atas perkara yang sama saya pun suka menyentuh satu perkara yang penting dan boleh dianggap sebagai satu perkara sosio-ekonomi, iaitu kita kerap kali melihat dan mendengar cerita kebakaran di sana sini, terutamanya di Wilayah Persekutuan. Apa yang dapat kita perhatikan ialah bahawa mangsa-mangsa kebakaran tersebut terpaksa mencari tempat kediaman yang baru sama ada menyewa rumah yang agak mahal sewanya yang mereka tidak mampu atau berpindah ke tempat lain atau juga mendirikan semula bangunan rumah mereka di atas tanah tersebut atas syarat mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa. Memandangkan bahawa kadangkala kebenaran tersebut sukar diperolehi kerana beberapa faktor, lebih-lebih lagi kebanyakan mangsa-mangsa tersebut adalah penghuni-penghuni kawasan setinggan, saya berharap bahawa pihak Kementerian ataupun pihak Dewan Bandaraya boleh memberikan satu kuota ataupun memperuntukkan satu rizab rumah-rumah pangsa untuk mangsa-mangsa kebakaran oleh kerana pada masa ini tidak terdapat rizab atau kuota ini untuk mereka, tambahan pula mangsa-mangsa kebakaran kebanyakan dari golongan berpendapatan rendah dan orang-orang miskin. Oleh itu, saya berharap pihak berkuasa dapat memperuntukkan rumah pangsa kepada mereka atas sikap peri kemanusiaan ataupun boleh dianggap sebagai satu tanggungjawab moral kepada pihak berkuasa ataupun pihak Dewan Bandaraya yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Butiran 21, Maksud P. 22, muka surat 143 mengenai perparitan. Lebih daripada 2 tahun Kuala Lumpur telah men-

jadi tempat seringnya berlaku banjir, baikpun banjir ataupun banjir kilat, ia hanya mengambil masa cuma satu jam atau bahkan setengah jam sekiranya berlaku atau turun hujan lebat, kita dengan mudah melihat banyak tempat dan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur dibanjiri air. Saya tidak perlu pergi jauh untuk menyebutkan satu contoh, jalan yang mengarahkan kita daripada Parlimen ke Bandaraya, di tempat ini kita selalu dapat melihat satu lopak air selepas hujan turun. Masalah banjir mengejut di Kuala Lumpur adalah serius dan menghendaki tindakan yang segera oleh pihak berkuasa untuk mencari jalan menyelesaikan masalah ini. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun ada mengatakan bahawa satu rancangan perparitan akan dilaksanakan pada tahun yang akan datang dan saya berharap bahawa skim ini dapat dilaksanakan dengan secepat yang mungkin.

Tuan Pengerusi, sebab-sebab yang utama berlakunya banjir mengejut di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh saluran perparitan besar yang tersumbat di samping sistem perparitan tidak begitu elok. Lain-lain sebab ialah pembangunan tanah yang tidak seimbang berikutan hakisan tanah (as a result of soil erosion) dan ini menyebabkan saluran-saluran air tersumbat.

Saya berpendapat bahawa sistem perparitan yang ada sekarang haruslah diperbesar dan diperluaskan lagi kerana pesatnya aktiviti-aktiviti pembangunan dan satu sistem perparitan yang efficient haruslah dilaksanakan bagi memenuhi kehendak-kehendak pembangunan di Bandaraya.

Saya menyeru Kementerian yang berkenaan supaya mengambil satu perhatian yang serius mengenai hal ini.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud B. 22, Aktiviti (3)—Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan, muka surat 139. Tuan Pengerusi, atas tajuk ini saya suka menggesa pihak berkuasa supaya mengambil langkah-langkah tegas untuk mempercepatkan pengeluaran surat hakmilik strata (strata titles) kepada semua pemilik flet-flet kediaman persendirian (private) di dalam Bandaraya.

Saya suka mencadangkan bahawa Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan patut memperkemaskan lagi jentera pentadbirannya membenteraskan red-tape serta mengambil

langkah menyegerakan pengeluaran surat hakmilik kecil (subsidiary titles) kepada semua pemilik flet-flet kediaman itu.

Dalam membuat gesaan ini, saya terpaksa menyatakan bahawa beberapa ribu pembeli-pembeli flet persendirian ataupun flet-flet private dalam Bandaraya ini tidak merasa terjamin kedudukan mereka kerana mereka masih belum diberikan surat hakmilik kecil (subsidiary titles).

Memang ada terdapat peruntukan-peruntukan dalam Kanun Tanah Negara yang membolehkan pihak awam memohon surat hakmilik itu tetapi kebanyakannya diuruskan oleh pemaju-pemaju bagi pihak pembeli-pembeli tetapi masalah yang timbul adalah berpunca daripada kelewatan Pejabat Tanah memproses dan meluluskan permohonan-permohonan hakmilik.

Bagaimanapun, saya menyeru Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan meneliti perkara ini dan mengambil tindakan-tindakan tertentu guna mempercepatkan pengeluaran surat hakmilik kepada semua pembeli-pembeli flet kediaman serta rumah pangsa di Bandaraya sekiranya menerima permohonan-permohonan itu.

Saya suka juga menyatakan bahawa masalah pengeluaran surat hakmilik strata tidak sahaja dihadapi oleh penginap-penginap flet tetapi juga kepada pemilik lot-lot kedai dalam semua kompleks beli-belah dalam Bandaraya yang telah dibeli oleh mereka yang berkenaan.

Saya juga suka mencadangkan agar Pejabat Tanah menubuhkan satu unit petugas khas guna mencari jalan agar pengeluaran surat hakmilik strata untuk flet-flet kediaman serta juga kompleks beli-belah dapat dipercepatkan lagi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh kepada Maksud P. 22, Aktiviti 17—Pelan Induk Saluran Najis, muka surat 143. Saya juga ingin menyentuh sedikit lagi mengenai hal kerja-kerja pementongan (sewerage) yang banyak dilaksanakan atau dijalankan di sekitar Bandaraya.

Saya sangat dan juga saya rasa bahawa penduduk-penduduk pun sangat mengalu-alukan kerja-kerja seumpama ini demi kepentingan dan demi kebaikan orang ramai. Tetapi apa yang saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan ialah sikap setengah-

setengah kontraktor yang melaksanakan kerja tersebut tanpa memasang atau meletakkan tanda-tanda amaran di tempat di mana pekerjaan tersebut dilakukan. Kerap kali kita melihat bagaimana kerja pementongan yang dijalankan itu membahayakan pengguna-pengguna jalanraya yang melalui jalan itu. Satu lagi perkara ialah kontraktor-kontraktor tersebut menggunakan ruang jalan yang besar/luas untuk kerja-kerja mereka, dengan ini menyebabkan kesesakan jalanraya.

Saya boleh memberi contoh misalnya di Jalan Pudu dan lain-lainnya. Saya harap bahawa pihak yang berkenaan dapatlah memperuntukkan seorang pegawai yang khas untuk menentukan bahawa di tiap-tiap projek yang ada dijalankan oleh kontraktor-kontraktor itu untuk menentukan bahawa kerja-kerja mereka tidak akan membahayakan pengguna-pengguna jalanraya.

Sekarang saya ingin menyentuh mengenai Maksud P. 22, Aktiviti 25—Skim Pertapakan dan Kemudahan (Salak South), muka surat 143.

Saya ingin menggesa pihak berkuasa yang berkenaan supaya melengkapkan semua Skim Pertapakan dan Kemudahan dalam Salak South dengan bekalan air yang cukup untuk kegunaan sistem perparitan yang elok dan sempurna untuk mencegah banjir semasa musim banjir, bekalan api elektrik dan kemudahan tandas awam dan pementongan yang cukup serta lain-lain kemudahan.

Pihak berkuasa berkenaan mestilah menentukan bahawa Skim Pertapakan dan Kemudahan akan merupakan satu konsep yang berfaedah dan dapat diterima oleh penduduk-penduduk sebagai satu cara untuk mengatasi penempatan setinggan-setinggan dalam Kuala Lumpur.

Sekarang saya beralih kepada Maksud P. 22, Aktiviti 14—Pejabat Cawangan Bandaraya. Kementerian Wilayah Persekutuan haruslah mempercepatkan rancangan-rancangannya untuk membuka lebih banyak lagi pejabat-pejabat Cawangan Bandaraya dalam Wilayah Persekutuan dan membahagi-bahagikan pembahagian tugas masing-masing kepada cawangan-cawangan bagi kemudahan orang ramai.

Ini adalah perlu supaya orang ramai akan lebih mudah berhubung dengan Pejabat-pejabat Cawangan Dewan Bandaraya yang terletak di tempat mereka bagi menyelesaikan

masalah yang ada kaitan dengan pentadbiran Bandaraya.

Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun telah menyatakan bahawa ada dua tiga Pejabat Cawangan Bandaraya pun sedang dibina dan itu ialah di Kampung Konggo, di Sentul dan lain-lainnya tetapi di sini saya suka bertanya sama ada pihak yang berkenaan ada menubuhkan satu Pejabat Cawangan Bandaraya di Sungai Besi oleh sebab saya berasa bahawa di Sungai Besi ialah satu tempat yang sangat pesat dengan penduduk dan saya berharap bahawa pihak yang berkenaan dapat menimbangkan satu syor untuk menubuhkan satu Cawangan Bandaraya lagi di Sungai Besi.

Sekarang saya beralih kepada Maksud P. 22, Aktiviti 2—Pengawalan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan, muka surat 142.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya faham bahawa Dewan Bandaraya telah menubuhkan satu yunit khas yang bertujuan untuk merobohkan rumah-rumah setinggalan yang baru di Wilayah Persekutuan. Sungguhpun saya tidak mahu membela apa yang tidak betul tetapi di sini saya suka menyatakan bahawa Pentadbiran Bandaraya haruslah dan sentiasa bersikap berpersi kemanusiaan apabila berdepan dengan masalah setinggalan. Mereka haruslah menyedari bahawa masalah setinggalan pada asasnya adalah satu masalah sosio ekonomi. Oleh kerana itu, satu penyelesaian sosio ekonomi haruslah dicari bagi mengatasi masalah itu.

Pentadbiran Bandaraya haruslah menyedari kenapa ramai orang membina atau mendirikan rumah-rumah setinggalan. Mereka berbuat demikian kerana keadaan masa (due to certain circumstances). Saya berpendapat mereka tidak mahu dilayan secara tidak adil atau tidak menurut undang-undang tetapi jika percubaan mereka yang kerap kali untuk memohon rumah-rumah awam kos rendah daripada Dewan Bandaraya selalunya ditolak orang-orang ini terpaksa—saya kata di sini, orang-orang ini terpaksa mendirikan rumah-rumah setinggalan tanpa berfikir panjang lagi untuk mendapatkan perlindungan (to obtain shelter for themselves and their family).

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa menggunakan kekerasan untuk merobohkan rumah-rumah setinggalan di bawah konteks ini adalah sungguh dikesalkan. Satu penyelesaian

mestilah dicari dan tentunya penyelesaian itu terletak kepada pembinaan lebih banyak rumah-rumah kos rendah untuk diperuntukkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan atau melaksanakan lebih banyak lagi sekim misalnya Sekim Pertapakan dan Kemudahan seperti yang terdapat di Salak South itu.

Berhubung dengan penempatan setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan, saya suka mencadangkan supaya ditubuhkan satu Yunit Penyelaras di bawah Kementerian yang berkenaan guna menyelaras kehendak dan keperluan semua setinggalan yang hendak ditempatkan. Mereka yang berkehendakkan tanah untuk bercucuk tanam atau berternak sebagai menyambung hidup haruslah dibantu untuk mendapatkan tanah di mana-mana tempat sama ada di Selangor ataupun di lain-lain negeri bagi membolehkan mereka menyambung hidup, di samping mereka yang berkehendakkan flat-flat atau rumah pangsa haruslah diperuntukkan yang sama.

Di sini saya suka merujuk kepada apa yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi bahawa Dewan Bandaraya ada rancangan untuk membina lebih banyak lagi rumah panjang atau long house untuk menempatkan setingan-setinggalan. Sungguhpun saya mengalu-alukan skim ini akan tetapi saya berharap bahawa pihak yang berkenaan akan dapat menentukan untuk rumah panjang yang akan dibina itu dapat menentukan bahawa kemudahan asas, misalnya, bekalan air yang cukup, tandas awam yang cukup dan bekalan api letrik dan sebagainya dapat dibina dan dibekalkan untuk kawasan rumah panjang itu.

Saya suka menyentuh perkara ini oleh sebab saya selalu menerima aduan-aduan daripada penduduk-penduduk di dalam rumah panjang bahawa bekalan air tak cukup, api letrik tak ada dan berbagai masalah lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh masalah penjaja-penjaja. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan setiap Ahli-ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan ada mengambil banyak minat terhadap penjaja-penjaja, dan ini termasuk saya.

Mengenai masalah penjaja-penjaja di Bandaraya, saya suka menggesa pihak yang berkuasa supaya berhenti daripada melakukan rampasan dan menahan barang-barang jualan dan alat-alat penjaja, sebagaimana diberi di bawah peruntukan Undang-undang

Kecil Penjaja (Wilayah Persekutuan) 1979. Saya berpendapat merampas barang-barang jualan dan peralatan perniagaan mereka akan hanya memburukan lagi keadaan ekonomi mereka.

Saya suka menyatakan bahawa jawapan kepada masalah penjaja-penjaja yang tidak berlesen (haram) terletak kepada penyediaan tempat-tempat berniaga yang sesuai lebih banyak lagi untuk mereka menjaja mencari kehidupan.

Tadi saya ada mendengar bahawa Setiausaha Parlimen mengatakan pada tahun akan datang beberapa kompleks perniagaan ataupun tempat perniagaan akan dibina oleh Dewan Bandaraya untuk penjaja. Beliau pun ada memberi satu contoh iaitu kompleks untuk perniagaan akan dibina di Sungai Besi. Sungguhpun saya mengalu-alukan semua projek ini akan tetapi saya suka membuat seruan dan saya harap bahawa sebelum menjalankan sesuatu rancangan untuk membina satu kompleks perniagaan untuk penjaja, apa yang patut dibuat terlebih dahulu ialah untuk menentukan sama ada projek itu sesuai untuk peniaga dan penjaja itu.

Saya suka menyatakan hal ini, oleh sebab saya mendapati bahawa misalnya satu kompleks perniagaan Seri Selangor yang terletak di Jalan San Peng, Kuala Lumpur yang telah dibina untuk menempatkan penjaja-penjaja, akibatnya ialah nampaknya perniagaan mereka itu telah merosot dan ramai peniaga atau penjaja telah tidak dapat membayar sewa kepada pihak berkenaan. Dan masalah ini telah timbul pada anggapan saya ialah oleh kerana projek itu adalah tidak begitu sesuai untuk berniaga dan oleh sebab itu perniagaan mereka adalah menghadapi kerugian yang amat merosot. Oleh yang demikian, saya berharap bahawa pihak Kementerian akan mengadakan satu kajian (survey) bagi menentukan supaya apa-apa projek yang dibina kelak tidak akan menjadi sebagai white elephant, tetapi apa-apa projek yang dibuat dan dibina kelak akan dapat digunakan dan dapat membawa faedah kepada penjaja-penjaja berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.55 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong permintaan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan bagi maksud B. 22 dan P. 22.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh P. 22 Butiran 1—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Saya mengalu-alukan hasrat pihak Kementerian tersebut hendak mendirikan banyak lagi rumah awam kos rendah untuk membolehkan pertama sekali golongan setingan mempunyai rumah dan mempunyai kehidupan yang lebih selesa dan di samping itu juga, saya ingin mengalu-alukan cadangan pihak Dewan Bandaraya ataupun pihak Kementerian ini hendak mendirikan rumah panjang sebagai transit house untuk membolehkan mereka yang ditempatkan sementara apabila kawasan mereka terlibat dengan kawasan pembangunan.

Di samping itu, saya ingin mencadangkan bahawa selain daripada pihak Kementerian sendiri ataupun Dewan Bandaraya sendiri menjalankan usaha-usaha untuk mengatasi soal perumahan kos rendah ini, maka peraturan-peraturan hendaklah dibuat terhadap pihak pemaju perumahan swasta supaya mereka itu menentukan kuota tertentu bagi pembinaan sekian unit rumah murah bagi sesuatu kawasan perumahan yang mereka majukan. Mungkin kita katakan setakat 20%-30% sekurang-kurangnya ditentukan kepada yunit-yunit rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan yunit rumah kos rendah ini bukan bermakna rumah yang ditakrifkan rendah oleh sebahagian daripada penduduk-penduduk kelas atasan ataupun kelas menengah di kawasan Bandaraya ini iaitu rumah-rumah berderet ataupun terrace house. Saya ingat, rumah itu kadang-kadang walaupun berharga, kalau yang setingkat \$40-\$50,000 dan kalau dua tingkat sekarang ini sudah meningkat \$80,000. Ini pada pandangan saya tidak sesuai dengan apa yang diangkap rumah kos rendah. Takrif rumah kos rendah yang saya maksudkan ialah apa yang ditakrifkan secara rasmi oleh pihak Kerajaan. Jadi mungkin, akan timbul apabila memandangkan cadangan saya ini mengenai harga tapak mahal. Dan oleh sebab memandangkan harga tapak mahal oleh itu tidak mungkin setengah-setengah pemaju swasta itu untuk memperuntukkan tempat-tempat yang tertentu untuk dijadikan rumah-rumah atau yunit rumah kos rendah.

Maka dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya diadakan (adopt) satu sistem subsidi atau cross-subsidy sama ada oleh pihak pemaju sendiri ataupun oleh pihak Kerajaan atau Kementerian ini. Dengan cara demikian, saya rasa tidak menjadi masalah sekiranya golongan the upper bracket membayar lebih sedikit untuk faedah golongan the lower bracket. Dan juga sekurang-kurangnya kita dapat dua faedah lagi.

Yang pertama, kita dapat menolong menyelesaikan sedikit sebanyak masalah perumahan bagi golongan rakyat miskin di dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

Dan yang kedua, kita menggalakkan perhubungan di antara rakyat yang berpendapatan tinggi ataupun yang lebih mewah sedikit dengan rakyat yang berpendapatan rendah ataupun yang kurang bernasib baik di dalam hidup ini. Dan dengan ini juga kita dapat mengurangkan sedikit demi sedikit kalau sistem ini diikuti kawasan yang dikhususkan apa yang dikatakan elite class sahaja.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara P. 22, Butiran 11—Bangunan Dewan Bandaraya. Saya bersyukur kerana pihak Dewan Bandaraya akan mendapat bangunan yang baharu tidak berapa lama lagi setelah menggunakan Dewan Bandaraya yang begitu lama tetapi yang masih kita sayangi lagi.

Saya berharap setelah Dewan Bandaraya sendiri berpindah ke bangunan baharu yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, kalau tidak silap 33 tingkat, insya Allah apabila berpindah nanti, saya berharap bangunan yang lama ini hendaklah kita jadikan sesuatu yang berfaedah.

Yang pertama sekali, saya minta supaya bangunan ini, saya maksudkan bangunan lama bangunan yang digunakan pada hari ini, jangan diperbaiki dalam erti kata dapat mengubah bentuk asalnya. Dengan demikian, saya mencadangkan supaya bangunan ini tidak dijadikan pejabat biasa. Maka ia hendaklah dijadikan sebagai satu muzium, muzium khusus kepada Dewan Bandaraya. Khusus kepada Wilayah Persekutuan, khusus untuk kita gunakan sebagai tempat menyimpan bahan-bahan yang ada kaitan dengan Wilayah Persekutuan atau Kuala Lumpur. Misalnya, oleh sebab sejarah negara ini berkait rapat dengan Kuala Lumpur. Tiap-tiap sesuatu yang pernah berlaku di negara ini

telah berlaku di Kuala Lumpur kebanyakan dan Kuala Lumpur pernah menjadi pusat kepada Negeri Selangor, sehingga dua tahun yang lepas. Kuala Lumpur pernah menjadi pusat kepada Negeri-negeri Bersekutu pada satu masa dahulu. Kuala Lumpur pernah menjadi pusat kepada pentadbiran ini apabila ianya dijajah. Kuala Lumpur seterusnya menjadi Pusat kepada Malaysia pada hari ini maka sudah tentu, banyak perkara-perkara yang patut kita simpan, patut kita dokumentasikan dari segi bahan-bahan bercetak untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada generasi yang akan datang. Jadi kesimpulannya dalam bangunan Bandaraya B. 22, Butiran 11 ini, saya mencadangkan supaya ini dijadikan sebagai satu muzium dalam mana selain daripada perkara-perkara yang disebutkan tadi, hendaklah juga kita simpankan sejarah atau riwayat hidup orang-orang ternama, orang-orang yang bertanggungjawab membina, membesar dan membangunkan Kuala Lumpur sebagaimana yang kita dapati pada hari ini.

Setakat ini, kadang-kadang kalau kita berjalan maka kita akan nampak nama-nama yang tertentu, misalnya Jalan Yap Ah Loy, Jalan Yap Kwan Seng Jalan Tun Perak dan sebagainya, maka saya rasa nama-nama ini selain daripada diletakkan di jalan-jalan raya, hendaklah juga kita simpankan dalam bentuk tulisan atau dalam bentuk apa sekali pun di dalam bangunan yang kita sayang ini supaya jangan dimusnahkan sesuai ianya menjadi pusat pemerintahan negara ini sejak zaman berzaman negara ini bermula.

Perkara yang seterusnya saya ingin menyentuh mengenai P. 22 juga, Butiran 19—Kemudahan Sosial. Saya dapati pada hari ini banyak kawasan-kawasan perumahan di sekitar Wilayah Persekutuan ini timbul. Ini adalah satu perkembangan yang biasa sesuai dengan perkembangan Bandaraya kita dan dengan penghijrahan rakyat daripada luar bandar ke dalam bandar maka dalam masalah sudah tentu banyak masalah-masalah sosial akan timbul. Saya cuma hendak menyentuh satu aspek sahaja iaitu saya minta supaya tiap-tiap kawasan perumahan ini kita adakan sekurang-kurangnya satu kawasan Permainan.

Saya tidak bertujuan untuk menyatakan bahawa kawasan permainan ini di mana hanya setakat kita letakkan tempat budak-budak dapat bermain gelongsor dan sebagainya, tetapi oleh sebab memandangkan bahawa sukan di negara kita ini adalah begitu maju maka apakah salahnya di dalam

setiap kawasan perumahan ini, kita tentukan diwujudkan satu kawasan padang bola umpamanya, sekurang-kurangnya dapat selain daripada bermain bola, permainan-permainan lain juga dapat kita jalankan, iaitu selain daripada bola, hockey misalnya, bola tampar, badminton yang sebelah atau di kiri padang bola tersebut dan saya rasa perkara ini adalah amat kekurangan sekali. Mungkin kita akan terasa sekali setelah beberapa tahun yang akan datang apabila Kuala Lumpur ini akan bertambah bilangan umatnya atau manusianya maka kita akan merasai kawasan hijau, kawasan lapang ini makin sehari makin berkurangan dalam erti kata ratio manusia dengan tanah-tanah lapang yang ujud, jadi apalah salahnya pada hari ini kita jadikan tempat-tempat ini kawasan padang bola atau sebagainya supaya dijadikan tempat selain daripada tempat permainan kawasan-kawasan hijau di kawasan bandaraya.

Selain daripada itu juga, saya harap kita perbanyakkan tanaman-tanaman pokok. Saya yakin bahawa pihak Dewan Bandaraya sentiasa menjalankan kempen penanaman pokok tetapi saya dapati dalam kawasan-kawasan perumahan yang baharu, proses penanaman pokok ini agak lambat sedikit, mungkin ini pihak Dewan Bandaraya atau pun Kementerian Wilayah Persekutuan terpaksa menunggu supaya jalan-jalan atas kawasan tersebut diserahkan dahulu kepada pihak Dewan Bandaraya secara rasmi sebelum proses penanaman pokok-pokok dan sebagainya hendak dijalankan. Tetapi saya rasa pihak Dewan Bandaraya atau pihak Kementerian ini dengan pihak penduduk-penduduk tempatan itu sendiri dapat menguruskan perkara ini dengan cara-cara lain sebelum kawasan atau jalan-jalan raya yang berkenaan diserahkan dengan rasminya kepada pihak Dewan Bandaraya sendiri.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh dalam Butiran 26 masih dalam P. 22 lagi, iaitu mengenai kompleks Perniagaan dan Pasar. Satu aspek lagi, saya rasa bahawa di dalam perkembangan Kuala Lumpur pada hari ini kita kekurangan sangat pasar-pasar. Pasar-pasar yang saya maksudkan di sini tidak termasuk mini-market atau pasar kecil dan tidak pasar-pasar yang terletak di bawah atau di samping rumah-rumah pangsa seperti mana yang kita dapat pasar yang hendak dikatakan mini-market pun tidak, pasar kecil bentuk biasa pun tidak yang terdapat di kawasan perumahan Sri Pahang, Bukit Bangsar.

Saya rasa, kalau kita melihat bahawa kawasan Bangsar umpamanya, walau pun saya bukan Ahli Yang Berhormat dari Bangsar atau Damansara, rasa saya kita memerlukan kemudahan-kemudahan ini, kerana penduduk di kawasan ini makin bertambah, hendak ke Petaling Jaya agaknya terlalu jauh, hendak ke Pasar Besar Kuala Lumpur, ini tidak mungkin kerana keadaan Pasar Besar Kuala Lumpur ini adalah begitu sesak bukan sahaja sesak dengan orang tetapi sesak dengan kenderaan, apalah gunanya kalau kita ke pasar, kalau hendak meletakkan kenderaan atau kereta kita pun susah, jadi supaya benda ini ditebarkan sedikit kemudahan-kemudahan ini maka apa salahnya kita tambahkan pasar-pasar ini tidak begitu besar tetapi memadai kawasan-kawasan perumahan yang berkenaan supaya lengkap segala kemudahan-kemudahan asas bagi suri-suri rumah tangga ke pasar tiap-tiap hari, janganlah terlalu jauh sangat.

Dan seterusnya, Butiran 27 masih di bawah P. 22, iaitu Projek-projek Ugama. Saya dapati bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah menerangkan iaitu beberapa masjid-masjid baharu akan dibina dan dalam hal ini ingin saya mengemukakan bahawa rata-rata kita dapati masjid-masjid di Kuala Lumpur ini sebaik sahaja dibina, maka terus terasa bahawa masjid itu telah kekurangan tempat. Sebabnya tidak payah saya sebutkan di sini kerana kita sendiri faham bahawa perkembangan penduduk sepertimana yang pernah saya sebutkan pada awal tadi Kuala Lumpur adalah begitu pesat. Dan itulah sebabnya kalau ke mana-mana masjid sekalipun, kecuali Masjid Negara, maka melimpah-limpah orang bersembahyang pada hari Jumaat. Jadi kalau keadaan seperti musim hujan seperti sekarang ini sudah mulai musim hujan maka terasa sangat.

Dalam hal ini, saya berharap di dalam sesuatu planning atau perancangan hendak mengadakan masjid-masjid baharu maka hendaklah diambil perhatian perkara semacam ini, kerana kita tidak dapat memperkembangkan masjid ini tiap-tiap tahun. Kita tidak dapat memperkembangkan masjid ini walaupun dalam lima tahun sekali, kerana soal-soal fizikal bukan sahaja soal-soal sosial dan dalam hal ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah menyebut mengenai projek Masjid Bangsar. Saya sekali lagi bersyukur dan berterima kasih kerana adanya projek Masjid Bangsar dan adanya sebidang

tanah telah diperuntukkan di kawasan perumahan Bangsar tetapi saya rasa patut dipertimbangkan supaya masjid ini dipercepatkan di atas dua perkara.

Perkara pertama, memandangkan faktor-faktor kesesakan yang telah saya sebutkan sekejap tadi dan faktor yang kedua saya rasa, Tuan Pengerusi, ialah soal keadaan harga barang melambung hari ini. Mungkin pada tahun lepas peruntukan kita yang kita anggarkan hanya \$3 juta, mungkin kalau kita hendak didirikan dalam masa tahun hadapan (1980) ataupun tahun 1981 keadaan anggaran ini akan terpaksa digandakan.

Satu kenyataan lagi, kalau saya tidak betul mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh membetulkan saya iaitu projek Masjid Bangsar ini akan didirikan dengan persefahaman (understanding) iaitu pihak Kerajaan akan memberi bantuan setiap \$1.00 yang dikutip oleh Jawatankuasa Masjid berkenaan. Jadi pada anggapan saya, Tuan Pengerusi, mungkin untuk menunggu pihak-pihak atau Jawatankuasa Masjid ini hendak mengutip sebanyak \$1 juta atau \$1½ juta atau \$2 juta ini memakan masa sedikit dan kalau kita hendak menunggu masa tersebut mungkin kita akan menghadapi masalah-masalah harga barang mahal atau sebagainya. Jadi ini mungkin akan melewatkan lagi.

Saya ingin mencadangkan sekiranya anggapan atau tanggapan saya tadi benar bahawa seluruh projek Masjid Bangsar ini hendaklah dibiayai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan atau dengan kerjasama Kementerian-kementerian lain yang bersangkutan dengan mengambil kira atau menambahkan mana-mana wang atau sebanyak mana wang yang pernah dipungut oleh pihak-pihak yang berkenaan atau Jawatankuasa Masjid Bangsar sendiri.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, perkara yang akhir pada petang ini iaitu Maksud B. 22, Butiran 1100—Pentadbiran Am. Satu perkara dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, saya ingin meminta supaya apabila mana-mana pemaju perumahan ataupun mana-mana pihak hendak menamakan sesuatu kawasan ataupun jalan maka hendaklah konsep penamaan ini apabila hendak diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya atau Kementerian ini maka hendaklah ianya benar-benar melambangkan Malaysia, benar-benar melambangkan aspirasi negara ini, benar-benar

melambangkan hasrat Perlembagaan negara ini dan jangan dibenarkan sebarang, jangan dibenarkan sesiapa sahaja walaupun dia seorang pemaju yang membiayai seluruh projek itu jangan dibenarkan orang-orang berkenaan atau pemaju-pemaju berkenaan mengikut kehendaknya sahaja dalam masalah hendak menamakan kawasan-kawasan perumahan tersebut, ataupun nama-nama jalan tersebut, hatta kepada balai-balai raya atau sebarang tempat di dalam kawasan yang baru tersebut.

Mengenai perkara yang telah lalu, apa hendak dibuat, Tuan Pengerusi, tetapi saya berharap kalau dapat pihak Dewan Bandaraya dan juga Kementerian ini supaya menentukan bahawa sekiranya masih wujud lagi nama-nama yang tidak berbau kemalaysiaan maka hendaklah disesuaikan secepat mungkin.

Perkara yang akhir mengenai Butiran 1100 ini ialah Pentadbiran Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana telah menyebut, kalau tidak silap saya tadi iaitu adanya peruntukan mengenai guru-guru Muqaddam di Masjid Al-Rahman di kawasan Universiti Malaya. Saya ingin mengesyorkan supaya tiap-tiap mesjid, tiap-tiap surau di dalam Wilayah Persekutuan ini hendaklah dijadikan juga pusat anak-anak belajar Al-Quran kerana keadaan di Kuala Lumpur atau di mana-mana bandar besar, Tuan Pengerusi, kita memang merasai sukar hendak menghantar anak-anak kita belajar mengaji Al-Quran atau Muqaddam sekurang-kurangnya. Maka sesuai dengan keadaan mesjid dan surau di bawah pentadbiran Kementerian ini maka hendaklah saya harap langkah-langkah yang sesuai hendaklah diambil supaya setiap mesjid, setiap surau dan setiap madrasah dibekalkan dengan guru-guru Al-Quran selain daripada dibekalkan dengan guru-guru yang sentiasa mengajar ugama supaya anak-anak kita ini selain daripada ianya dapat belajar ugama di sekolah-sekolah sepertimana yang diwajibkan oleh pihak Kementerian Pelajaran, maka ianya juga dapat belajar mata pelajaran ugama dan sekurang-kurangnya belajar Muqaddam di mesjid dan surau di bawah tajaan Dewan Bandaraya khasnya dan Kementerian Wilayah Persekutuan amnya.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Kepong.

5.16 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan dan Pembangunan mengenai anggaran yang diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian untuk mengadakan projek-projek yang tadi disebutkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan yang boleh memberi faedah kepada rakyat di Wilayah Persekutuan ini. Tetapi saya juga ingin mengambil peluang menyentuh sedikit sebanyak berkenaan yang pertama dalam Butiran 10—Kemudahan Sosial muka surat 143.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang Wilayah Persekutuan mempunyai bilangan penduduk-penduduk lebih kurang 1 juta orang di merata kawasan yang luasnya 94 batu persegi iaitu kalau kita mengambil satu analisa lebih kurang 1,000 orang seekar persegi. Amatlah mustahak untuk saya tegaskan di sini bahawa population sekarang ini akan bertambah dan sudah sampai satu kadar yang melebihi kadar purata kelahiran (birth rate) yang sebanyak 2.9%.

Ini adalah disebabkan penghijrahan orang-orang luar bandar ke Kuala Lumpur dengan kadar lebih kurang 3% setahun dan saya harap oleh kerana di masa hadapan barangkali population dalam Kuala Lumpur ini boleh lebih 2,000 seekar persegi, saya harap Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil tindakan dan perhatian yang berat di dalam soal menyediakan Pelan Induk bagi Wilayah Persekutuan ini, yang mana kita tahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah Kementerian yang menyediakan Pelan Induk ini tetapi saya juga harap Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil bahagian dan juga mempercepat lagi Pelan Induk ini disiapkan oleh kerana setahun ke setahun kita dengar pelan-pelan ini akan dikemukakan tetapi tahun ke setahun kita dapat excuse iaitu pelan ini belum disiapkan oleh kerana sebab ini atau sebab itu.

Tuan Pengerusi, saya datang dari Jinjang Selatan dan baru-baru ini ada satu masalah sama ada berkaitan atau tidak berkaitan dengan pentadbiran tanah Wilayah Persekutuan inilah saya harap pihak berkenaan boleh siasat.

Saya ingin menyentuh di bawah Butiran 1200, muka surat 139, Aktiviti (3) Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan. Di mana yang saya tahu selalu apabila tindakan yang ingin diambil bagi pihak pemaju perumahan, Pejabat Tanah dan Wilayah Persekutuan selalu diberi notis kepada orang-orang yang terlibat di dalam satu-satu projek tetapi apa yang telah terjadi pagi ini di Jinjang Selatan ialah ada sekeping tanah road reserve di mana penduduk-penduduk di sana sudah tanam papaya, ciku, nenas, sayur-sayuran dalam masa 20 tahun atau lebih tetapi Penguatkuasa telah datang ke sana pagi ini dan meruntuhkan tanah itu dan tidak diberi notis bertulis atau diberi compensation dan apa yang saya dengar tindakan yang diambil oleh kerana pihak developer di sana hendak menggunakan sekeping tanah itu untuk dijadikan tempat meletakkan sewerage system. Saya harap jikalau tindakan ini diambil oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan bagi pihak pemaju perumahan ini saya harap satu gantirugi diberi kepada penduduk-penduduk. Jikalau tindakan ini bukan diambil oleh pihak Pejabat Tanah dan Wilayah Persekutuan saya harap Setiausaha Parlimen boleh menyiasat atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan jalan-jalan dan jambatan-jambatan di bawah Butiran 20, muka surat 143 di mana tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan telah memberitahu Dewan ini Dewan Bandaraya sedang mengadakan satu skim membaiki jalan seperti inner dan outer ring road untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Tetapi jikalau kita ada jalan-jalan yang sangat luas dan sangat cantik jikalau kenderaan yang masuk dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini setahun ke setahun bertambah, jikalau kita ada skim-skim yang lebih lagi daripada apa yang disediakan pun kita tidak boleh mengatasi masalah kesesakan lalulintas. Saya berharap Kementerian mengkaji semula bolehkah pihak berkenaan mengadakan satu mass-transit system di mana Wilayah Persekutuan ada satu mass-transit system yang menghubungkan Petaling Jaya dan Ampang oleh kerana pemandu-pemandu kereta yang selalu dalam peak hours masuk ke dalam Wilayah Persekutuan ialah penduduk-penduduk dari PJ dan SS oleh kerana mereka bekerja di dalam Wilayah Persekutuan. Jika boleh saya harap rancangan monorail yang menghubungkan Wilayah Persekutuan dan Klang Valley boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Sambil kita menunggu sistem transit tersebut, inginlah saya menarik perhatian Kerajaan pada masalah-masalah Lalulintas di kawasan saya. Di Sentul kemalangan sering berlaku sehingga menyebabkan kehilangan nyawa-nyawa orang yang tidak berdosa terutama kanak-kanak sekolah. Kerajaan harus sedar kawasan Sentul kini sudah sibok, penduduk-penduduk kian meningkat terutama murid-murid sekolah yang kian bertambah di semua sebelas buah sekolah di sana. Tambahan pula dengan pembukaan jalanraya Karak bilangan kenderaan di jalan yang sudahlah sempit itu kian bertambah juga. Maka saya ingin merayu Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama J.K.R. untuk mula merancang satu jalanraya yang sepadan dengan bilangan kenderaan di sana. Nampaknya juga kemalangan jalanraya tidak berhenti-henti berlaku di Kuala Lumpur. Saya rasa semua orang masih ingat lagi sejarah kemalangan di bulatan Jalan Kuching di mana 13 buah kenderaan telah terlibat serentak. Kemalangan di bulatan ini masih lagi berlaku maka sekali lagi saya merayu kepada Kerajaan supaya cepat mengadakan satu jambatan (fly-over) di sana memandangkan bertambah banyaknya kenderaan yang menggunakan jalan Kuala Lumpur/Ipoh.

Tuan Pengerusi, di Jinjang pula walaupun kerja-kerja pembinaan jalanraya telah bermula terdapat masalah kesesakan jalan serta lubang-lubang besar akibat kerja-kerja pembinaan yang kurang cekap ataupun sengaja tidak mempedulikan keselamatan dan kesulitan orang-orang Kepong yang berulang alik di jalan tersebut. Saya merayu pihak berkenaan supaya menasihatkan pihak Apollo Construction supaya bertimbang rasa dan secepat mungkin menyediakan jalan-jalan bypass serta menimbus lubang-lubang yang telah mengakibatkan banyak kemalangan dan kesesakan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu pihak Kerajaan menyediakan atau menggantikan jambatan yang menghubungkan Jinjang Utara dengan Jinjang Selatan dengan satu jambatan yang lebih besar supaya basikal-basikal dapat menggunakan apabila jalanraya Kepong siap kelak. Juga di dalam dua minggu ini saya telah mendapat beberapa pucuk surat dari penduduk-penduduk di Kepong dan Desa Jaya meminta pertolongan pihak berkenaan mengadakan Traffic Warden di Jalan Kepong ini pada masa peak hours iaitu sebelah pagi dari

pukul 7.00 sampai pukul 10.00 pagi dan sebelah petang dari pukul 5.00 petang sampai pukul 9.00 malam. Haraplah dengan ini penduduk-penduduk di sana bolehlah sampai ke tempat-tempat kerja masing-masing dan juga balik ke rumah-rumah dengan tidak merugikan masa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 27, muka surat 143—Projek-projek ugama.

Baru-baru ini saya sudah melawat satu kampung iaitu Kampung Batu Muda di mana mereka telah memberitahu saya, madrasah di kampung itu telah diberi kebenaran dinaikkan tarafnya sebagai sebuah masjid. Dan oleh kerana di bawah peruntukan ini ada wang, saya harap pihak Kementerian bolehlah memberi sedikit sebanyak bantuan kepada madrasah ini untuk membuat satu masjid yang baru oleh kerana madrasah yang ada di sana sekarang macam sebuah rumah setinggan sahaja.

Dan juga baru-baru ini penduduk di Seri Segambut yang mempunyai satu keping tanah seluas 2½ ekar bercadang untuk mengadakan satu Pusat Ugama Islam yang mana saya tahu pihak Kementerian pun telah luluskan projek itu tetapi jikalau boleh tidak usahlah kita tunggu sampai Rancangan Malaysia Keempat. Jikalau kita ada peruntukan sekarang berilah peruntukan itu dahulu kepada mereka oleh kerana di tempat itu mereka sudah menunggu sangat lama belum ada satu masjid.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran (1) muka surat 142—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Saya ingin memberi satu pendapat di sini iaitu apabila rumah-rumah flet yang telah siap di mana-mana kawasan khasnya di kawasan Sentul di mana terdapat tiga blok flet akan siap tidak lama lagi, penduduk-penduduk di sini telah membuat satu rayuan melalui saya kepada pihak Kementerian supaya diberi peluang kepada mereka atau priority mendapat flet-flet itu oleh kerana mereka ialah dari golongan yang miskin dan terdiri daripada penduduk-penduduk kawasan setinggan. Dan dengan ini mereka bercadang dan saya bersetuju dengan cadangan ini, 70% flet-flet itu ada "reserved" kepada penduduk-penduduk di kawasan flet-flet itu dibina. Dan dengan itu saya harap penduduk-penduduk di sana tidaklah berasa

mereka tidak diberi peluang (deprived) untuk menduduki flet-flet itu. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh di dalam Butiran ini berkenaan dengan keadaan lif-lif di rumah pangsa Jalan Pekeliling.

Sebelum dan selepas pilihanraya sampai sekarang, Tuan Pengerusi, saya telah beberapa kali membuat permohonan untuk mendapatkan satu atau dua lif-lif baru di rumah pangsa itu di mana lif-lif lama saya ingat, yang hampir 10 tahun lebih selalu rosak. Dan rumah pangsa di sana ada 17 tingkat dan selalu apabila lif-lif rosak di tingkat 15-16, kadangkala ada berlaku kemalangan. Saya haraplah Kementerian Wilayah Persekutuan bolehlah mengambil tindakan menggantikan lif-lif itu dengan lif-lif baru kepada blok-blok flet di sana.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 4, muka surat 142—Pemberian Bantuan kepada Perbadanan Kuala Lumpur untuk membuat Jalan-jalanraya.

Di dalam suratkhbar selalu kita dapati, penduduk-penduduk di Kampung Batu Muda telah merayu kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya memperbaiki dan membuatkan jalan masuk ke kampung itu tetapi sampai hari ini tindakan masih belum diambil dan saya tahu Kementerian Pertahanan yang juga ada mendirikan rumah-rumah untuk askar-askar di dalam kampung itu telahpun bersetuju bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan membina jalan itu. Dan saya haraplah tidak lama lagi jalan itu dapat dibina.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Butiran

Tuan Pengerusi: Panjang lagi?

Dr Tan Tiong Hong: Tidak.

Tuan Pengerusi: Cuba ringkaskan.

Dr Tan Tiong Hong: Berkenaan dengan Butiran 16—Pasar Borong, Utara dan Selatan. Saya ingin memberitahu kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya mengambil perhatian iaitu jikalau pasar borong yang akan disediakan tidak ada cukup tempat-tempat maka tentu ada masalah yang akan timbul. Misalnya ada penjaja-penjaja di dalam pasar borong itu sekarang tidak ada lesen dan mereka telah berniaga di pasar-pasar borong

itu selama 10-20 tahun dan mereka tidak dapat lesen oleh kerana apabila membuat permohonan pihak Dewan Bandaraya kata di sana tidak lagi hendak mengeluarkan lesen untuk pasar-pasar borong. Tetapi sampai hari ini mereka masih juga berniaga di sana sebagai orang yang menumpang kepada penjaja yang ada lesen. Dan saya haraplah Kementerian Wilayah Persekutuan apabila menyediakan pelan-pelan pasar borong itu mengambil perhatian kerana agak ramai juga penjaja-penjaja di sana tidak ada lesen.

Dan yang akhir sekali, saya hendak menyentuh berkenaan dengan Butiran 19, muka surat 143—Kemudahan Sosial; iaitu tempat-tempat permainan di projek perumahan di Wilayah Persekutuan khususnya di Kepong Bahru dan Jinjang. Iaitu pemaju-pemaju perumahan telah berjanji hendak membina satu balairaya untuk kegunaan penduduk-penduduk di sana tetapi sampai hari ini pihak Bandaraya dan pihak pemaju tidak mengambil apa-apa langkah yang mana saya tahu Datuk Bandar pun beberapa kali melalui suratkhbar apabila dia melawat kawasan itu telahpun berjanji balairaya di sana akan dibina. Saya harap pihak Kementerian akan mengambil tindakan dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya bersetuju dengan peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dalam Maksud B 22 dan P. 22.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab selawat-lewatnya pada pukul 6.00 petang.

5.40 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 22, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (3) Pentadbiran Tanah Wilayah Persekutuan. Bandaraya Kuala Lumpur yang membangun dengan pesatnya, di sana sini projek pembangunan dijalankan dengan pesat sekarang ialah memodenkan lalulintas yang menjadi perkara utama dan tumpuan yang besar ditumpukan. Walaupun ini satu usaha yang kita puji namun kita mengharaplah bahawa pentadbiran Dewan Bandaraya hendaklah diperingkatkan lagi.

Satu hakikat yang harus diperhatikan ialah Jabatan Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jabatan ini adalah satu jabatan yang mustahak untuk memberi kelulusan perancangan satu-satu projek atau pembangunan sebelum ianya diserahkan kepada Jabatan Akitek untuk kelulusan muktamad. Apa yang saya difahamkan bahawa sesuatu pelan yang dimajukan kepada pejabat itu memakan masa yang begitu lama sehingga memakan masa dekat dua tahun sebelum ianya dimajukan kepada Jabatan Akitek. Kita akui sekiranya pelan yang dimajukan itu mempunyai bangunan yang tinggi dan yang besar tetapi bagaimana pula dengan pindaan-pindaan kecil atau pelan-pelan rumah yang kecil boleh memakan masa yang begitu lama sedangkan ia tidak seharusnya dipendamkan begitu. Pernah berlaku, Tuan Pengerusi, satu pindaan pelan kecil yang dimajukan kepada Pejabat Perancang memakan masa lebih daripada setahun. Satu-satu perkataan yang dipinda memakan masa dekat setahun dihantar balik untuk diperbetulkan. Apabila ia melebihi setahun pembayaran proses baharu pula dikenakan. Saya rasa Jabatan Perancangan ini adalah satu jabatan yang mustahak. Maka dari itu sekiranya terdapat kakitangan yang kurang cekap dari berbagai bahagian adalah perlu diambil perhatian segera supaya proses kelulusan perancangan itu tidak memakan masa yang begitu lama. Ia bukan sahaja menggagalkan pembangunan tetapi juga menyusahkan orang ramai. Saya ingin mengesyorkan supaya jabatan ini memberi keutamaan dan apa bentuk pelan yang dimajukan.

Saya ingin mengesyorkan supaya Dewan Bandaraya menghantar pegawai-pegawai ke luar negeri untuk menyaksikan perancangan yang dilakukan oleh beberapa buah negara yang maju di rantau sebelah sini khususnya rancangan Dewan Bandaraya Singapura ataupun Hongkong, ini mungkin akan menambahkan dan meluaskan lagi pengetahuan mereka untuk melebihi, memodenkan bandar kita.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada Butiran 2—Pengawal Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan, muka surat 142. Penghijrahan penduduk luar bandar ke bandar sememangnya tidak dapat disekat kerana kemudahan-kemudahan pekerjaan yang boleh didapati adalah banyak. Namun begitu, apa yang saya harapkan ialah di mana-mana tempat banyak setinggalan di situ kawasan itu saya fikir adalah wajar per-

kampungan itu dipermodenkan. Kita tahu bahawa tanah di Bandaraya walau di mana sekalipun di dunia ini sememangnya berharga dan mempunyai nilai yang tinggi. Jadi adalah tidak mungkin kalau dicari kepada satu tempat lain untuk mendirikan rumah flet untuk mereka. Pada pendapat saya adalah lebih baik di kawasan setinggalan itu sendiri atau di kawasan yang berhampiran dengannya didirikan itu bangunan flet yang tinggi supaya mereka dapat ditempatkan di situ daripada ditempatkan mereka ke tempat-tempat yang jauh. Saya rasa ini bukan sahaja menyenangkan mereka atau menyenangkan semua pihak tetapi juga dapat ditempatkan kawasan itu, dapat diperbesar dan diperelekkkan. Dengan cara tidak langsung ia memberi pertumbuhan kawasan perbandaran yang lebih luas lagi. Cuma yang perlu ialah infrastruktur disediakan, mungkin mendirikan flet-flet yang tinggi ini saya rasa dapat menjimatkan tanah Kerajaan yang diduduki oleh mereka itu. Negara jiran kita, Tuan Pengerusi, berjaya di dalam soal memperbandar dan mempermodenkan bandaraya.

Tuan Pengerusi, di dalam perkara Pentadbiran juga iaitu muka surat 139, saya ingin menyentuh mengenai dengan Papan Peringatan Pembukaan Rasmi terbukanya Kuala Lumpur oleh Raja Abdullah di antara pertemuan dua penjurong sungai ialah Sungai Gombak dan Sungai Kelang. Apa yang saya dapati bahawa papan tanda yang dipasang di belakang kawasan Masjid Jamek Kuala Lumpur tidak boleh dilihat dengan jelas. Ia terletaknya di cerok sudut belakang dan juga papan tanda itu terlalu kecil dan rendah. Pada masa ini saya dapati ada kerja-kerja membersihkan dan memperdalamkan kedua-dua sungai tersebut dan kebetulan pula ianya terlibat dengan kawasan tersebut. Kita puji langkah Dewan Bandaraya mengadakan papan tanda tersebut, namun begitu, saya mengharap supaya tempat yang bersejarah itu dapat diberi penghargaan yang tinggi supaya setiap orang yang lalu di situ akan nampak dengan mudah bahawa ini adalah tempat sejarah bermulanya Kuala Lumpur.

Saya juga ingin mengesyorkan supaya Papan Peringatan Perasmian yang dijadikan lambang kemegahan sejarah Kuala Lumpur itu diperbesar dan ditinggikan daripada yang ada sekarang ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya menyokong peruntukan Kementerian Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.47 *ptg.*

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya bangun mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, dari Tanah Merah, dari Kepong dan dari Tumpat yang telah menyokong Belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah saya kemukakan tadi dan juga kepada teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah mereka kemukakan.

Umumnya perkara yang berhubung dengan pembinaan rumah murah adalah menjadi tajuk yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita iaitu rumah murah untuk Kuala Lumpur dan untuk kawasan-kawasan setinggan.

Sebenarnya sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam masa membentangkan Belanjawan Kementerian ini, pembinaan rumah kos murah adalah diberi keutamaan yang tinggi dalam Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya memang menyedari bahawasanya setakat ini usaha bagi membina rumah-rumah murah itu belum sampai kepada taraf yang boleh dianggap sudah cukup, kerana masih ramai lagi orang-orang yang menunggu—listnya 20,000 yang ada sekarang ini yang sedang menunggu untuk mendapat rumah murah itu. Oleh sebab itulah maka telah saya katakan tadi bahawasanya pada tahun 1980 Kementerian Wilayah Persekutuan akan mengemukakan strategi-strategi baharu, cara-cara baharu untuk mengadakan rumah-rumah kos murah ini secara besar-besaran. Ia bukan hanya dilihat sebagai satu usaha memenuhi kehendak segolongan yang berpendapatan rendah untuk mendapat rumah-rumah murah itu tetapi ia akan menjadi strategi utama dalam menyelesaikan masalah setinggan di Kuala Lumpur ini, satu masalah yang begitu besar dan memberatkan.

Jika sekiranya pembinaan rumah-rumah murah secara besar-besaran ini dapat diadakan maka dengan strategi seumpama itu setinggan-setinggan nanti bukan hanya dapat diberi tempat-tempat kediaman, tetapi di tempat-tempat kediaman itu juga akan diberi kemudahan-kemudahan lain, kemudahan-kemudahan riadah, kemudahan-kemudahan

sosial dan juga kemudahan-kemudahan kesihatan yang sekarang ini diberi di kampung-kampung mereka. Jadi dengan sekali gus, dengan satu perancangan mengadakan rumah-rumah murah dan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan itu maka kehendak kita membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan seumpama itu kepada penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah terutama setinggan-setinggan tentu akan dapat dipenuhi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh 9 perkara dalam perbincangan tadi yang antara lain berhubung dengan transport, kesesakan lalulintas, yang berhubung dengan membekalkan kemudahan-kemudahan untuk kawasan-kawasan setinggan, yang berhubung dengan memperbaiki alam sekeliling supaya dapat mengelakkan dari kejadian pollution yang berlebihan, yang berhubung dengan mengadakan satu Penal Penasihat (Advisory Panel) dan yang berhubung dengan tindakan-tindakan yang mesti diambil bagi mengawal berlakunya banjir. Sebenarnya, ini saya akui adalah perkara-perkara besar dan secara kebetulan juga perkara-perkara ini, selain daripada Advisory Board itu, telahpun difikir dan dirancangan oleh Kerajaan melalui Dewan Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Yang saya sukacita mendengar ialah bahawasanya Ahli Yang Berhormat telah menokok lagi alasan-alasan yang kemas bahawasanya projek-projek yang dirancangan itu mesti dilaksanakan. Tetapi satu perkara yang sangat jelas daripada apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi sudah tentulah perlunya projek-projek ini dilaksanakan dengan cepat. Jadi itulah tekanan yang saya dapati daripada ucapan Ahli Yang Berhormat itu. Semuanya mesti dilaksanakan dengan cepat, dengan keutamaan yang tinggi dan mestilah menjamin bahawasanya projek-projek itu akan disempurnakan dengan baik, dengan cukup kemudahan, bukan dengan setengah-setengah kemudahan ataupun boleh saya katakan dilaksanakan dengan tidak begitu sempurna.

Dalam hal ini sukalah saya memberi peranan bahawasanya bila Kerajaan merancang sesuatu projek, terutama untuk golongan yang berpendapatan rendah Kerajaan memang hendak mengadakan projek yang baik, yang sempurna dengan segala kemudahan yang menasabah diadakan dalam projek itu. Ini adalah memang untuk kepentingan Kerajaan. Kalau Kerajaan tidak mengadakan projek dengan sempurna ataupun sengaja melengahkan pelaksanaan projek itu maka ini

tidak akan menguntungkan, tidak akan dapat memperbaiki imej Kerajaan dan jika ini Ahli Yang Berhormat dapat faham dan sedar maka tentulah tindakan Kerajaan ialah apa yang telah dirancang akan dilaksanakan dengan cepat dan dengan sempurna supaya seboleh-bolehnya kita tidak mahu ada orang bising lagi, ada orang menimbulkan berbagai pertanyaan, berbagai masalah; kita tidak mahu dengar semua itu.

Berhubung dengan strata title, satu tajuk khusus yang selalu dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini juga dalam pertimbangan aktif pihak kami dan adalah diharapkan sesuatu keputusan tentangnya dapat dibuat.

Tentang Advisory Panel pula, sekarang ini Dewan Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya mengadakan satu strategi dalam mendapat feedback dan pandangan orang ramai. Kementerian Wilayah Persekutuan sering mengadakan pertemuan-pertemuan yang berupa dialog dengan pemimpin-pemimpin masyarakat yang mewakili berbagai-bagai golongan, sama ada mewakili setinggan, sama ada mewakili penjaja, sama ada mewakili persatuan-persatuan penduduk di Wilayah Persekutuan untuk mendengar pandangan-pandangan mereka tentang pentadbiran di Wilayah Persekutuan ini tentang projek-projek yang dilaksanakan dan juga tentang masalah-masalah yang mereka hadapi dan di samping itu juga meninjau apakah fikiran dan pendapat mereka untuk memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang telahpun diberikan itu. Kegiatan ini memang berjalan dengan baik. Memanglah saya akui bahawa kita belum bertemu dengan semua golongan yang ada dalam Kuala Lumpur ini tetapi adalah menjadi hasrat kita untuk mendengar, terutama golongan-golongan yang suara mereka itu tak selalu didengar. Kalau Ahli Yang Berhormat selalu sangat saya dengar dalam Dewan yang mulia ini. Juga kita pun mengambil perhatian segala pandangan Ahli Yang Berhormat telah kemukakan, sama ada dalam perbincangan mengenai Belanjawan ini ataupun dalam soal-soal untuk jawapan mulut ataupun jawapan bertulis kerana ini adalah penting bagi kami semua. Berhubung dengan ini juga sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Dewan Bandaraya ada sendiri Majlis Penasihatnya, yang saya tahu adalah bergerak dengan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah mengemukakan beberapa pandangan yang berhubung dengan pentadbiran Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan dan saya mengucapkan terima kasih atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang dikemukakan itu, terutama yang berhubung dengan perlunya kemudahan-kemudahan untuk kelas-kelas ugama, kelas-kelas Bacaan Quran diadakan di masjid-masjid dan di surau-surau dengan menambahkan bilangan guru-guru ugama. Memanglah menjadi rancangan Jabatan Ugama Wilayah Persekutuan merancang bagi menambahkan kemudahan-kemudahan pendidikan ugama Islam di tempat-tempat ini dan satu perkara yang telah dipersetujukan ialah semua masjid-masjid baru yang akan diadakan di dalam Wilayah Persekutuan ini adalah masjid yang akan mempunyai segala kemudahan untuk memberi pelajaran kepada kanak-kanak Islam. Ia juga akan mengandungi umpamanya TADIKA dan juga kelas-kelas ugama bagi kanak-kanak di kawasan di mana masjid itu diadakan selain daripada mengadakan kemudahan-kemudahan lain iaitu seperti khutubkhanah untuk kegunaan ahli-ahli qariah. Inilah konsep pembangunan masjid sebagai pusat Islam yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan ini.

Berhubung dengan mengadakan kawasan lapang di Wilayah Persekutuan memanglah Dewan Bandaraya mensyaratkan supaya pemaaju-pemaaju mengadakan kawasan-kawasan lapang dan juga di samping itu mengadakan kawasan-kawasan untuk membeli-belah bagi penduduk-penduduk di seluruh kawasan itu. Ini adalah satu cara supaya mengelakkan daripada banyak sangat kesesakan lalu lintas. Jadi bila diadakan kawasan-kawasan di mana membeli-belah itu ditempatkan dalam kawasan perumahan, maka tumpuan kegiatan penduduk-penduduk di situ akan berpusat di tempat-tempat itu dan mengelakkan mereka dari berjalan memandu kereta yang menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Berhubung dengan perkara-perkara lain yang khusus yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, saya akan selidik perkara-perkara itu dan akan mengambil tindakan yang sesuai mengennainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam ucapannya yang agak panjang telah menimbulkan beberapa perkara dan satu perkara

yang menarik minat umum ialah yang berhubung dengan mengadakan mass transit system ataupun mengadakan monorail.

Pada masa sekarang Dewan Bandaraya sedang melaksanakan satu skim bagi memperbaiki lalulintas di Wilayah Persekutuan ini. Skim ini sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap kira-kira dalam akhir tahun 1980 ataupun awal tahun 1981. Kesan yang baik yang diharapkan daripada skim ini belum jelas dilihat lagi dan kita akan tunggu dan lihat bagaimanakah skim ini akan berjalan bila ia telah disiapkan nanti.

Di samping itu, sukalah saya menyatakan bahawa dalam Kuala Lumpur Master Plan yang sedang dirancang sekarang ini ada perkara-perkara yang berhubung dengan memperbaiki lalulintas di Kuala Lumpur ini yang diberi pertimbangan.

Tentang perkara-perkara lain yang telah diumumkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ianya adalah berupa perkara-perkara yang khusus bagi Kawasan Kepong itu sendiri. Jadi berhubung dengan perkara ini saya memberi pengakuan akan saya selidik dan akan dilaksanakan dengan cepat di mana terdapat apa-apa yang dijanjikan dahulu belum dilaksanakan ataupun apa-apa masalah-masalah yang ada belum diselesaikan.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang telah mencadangkan supaya Bandaraya menghantar pegawai-pegawai ke luar bagi melihat bandar-bandar lain seperti Hongkong, Singapura untuk mempelajari cara-cara memodenkan bandar ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu memanglah Dewan Bandaraya ada skim untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawainya melanjutkan pelajaran dan di samping itu juga untuk melawat bandar-bandar yang ada untuk memerhatikan apakah aspek-aspek pembangunan bandar yang ada itu yang boleh dijadikan contoh kepada kita untuk kita laksanakan di Kuala Lumpur ini dan skim ini berjalan dengan baik dan tiap-tiap tahun boleh dikatakan ramai pegawai-pegawai yang telah dihantar bukan sahaja ke Singapura, bukan sahaja ke Hongkong tetapi ke tempat-tempat lain juga ke Jepun, ke Filipina dan lain-lain tempat untuk mempelajari daripada pihak berkuasa bandar-bandar dan ibu kota negara itu tentang perkara-perkara yang berhubung dengan pentadbiran bandar dan langkah-lang-

kah bagi memodenkan serta cara-cara menyelesaikan masalah-masalah yang biasanya dihadapi dalam kawasan-kawasan bandar.

Berhubung dengan memberi kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan setinggan umpamanya dengan mengadakan flat-flat, rumah-rumah murah, ini memanglah tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa sekarang. Kita berharap dengan usaha yang bertambah ini yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan maka kawasan-kawasan setinggan yang ada ini akan dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang banyak, yang lebih baik dari apa yang ada sekarang ini supaya mereka yang ada di kawasan-kawasan ini akan dapat sama-sama menikmati kemudahan-kemudahan yang dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan luar daripada kawasan setinggan.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,486,800 untuk Maksud B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$131,261,810 untuk Maksud P. 22 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1980.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan di bawah Kementerannya.

Maksud B. 23 (Jadual)—

Maksud P. 23 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

6.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama iaitu peruntukan Belanja Mengurus sebanyak \$24,098,400 di bawah Maksud Bekalan B. 23 dijadikan sebahagian daripada jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1980 dan Peruntukan Belanja Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan P. 23 sebanyak \$50,509,647 diluluskan.

Tuan Pengerusi, matlamat utama Kementerian saya ialah meninggikan pendapatan negara daripada punca eksport bahan-bahan utama dan melaksanakan dasar pengeluaran yang sesuai lagi teratur bagi memperbaiki keupayaan pengeluaran serta meninggikan lagi mutu dan mempelbagaikan kegunaan bahan-bahan utama. Bagi mencapai matlamat ini berbagai aktiviti dan program disusun serta dilaksanakan sama ada secara langsung oleh Kementerian ataupun melalui Jabatan dan agensi di bawahnya. Usaha-usaha ke arah ini bukan sahaja tertumpu kepada kegiatan-kegiatan dalam negeri malah Kementerian saya terlibat secara langsung dalam usaha-usaha bagi menentukan supaya bahan-bahan utama dapat dipasarkan dengan harga yang berpatutan dan stabil di pasaran antarabangsa. Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan hubungan ekonomi yang rapat dengan negara-negara yang lebih maju seperti EEC atau Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia baik secara dua hala ataupun dalam konteks ASEAN. Di samping itu Kementerian saya akan terus mengambil peranan yang penting di dalam rancangan untuk menstabilkan harga barang-barang utama yang dianjurkan oleh Agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu. Kita telah memainkan peranan yang penting dalam rundingan mengenai Tabung Bersama atau "Common Fund" yang telah memakan masa selama kira-kira tiga tahun sebelum persetujuan rangka asas Tabung itu dapat dicapai. Ketika ini persiapan yang perlu sedang diatur untuk menubuhkan Tabung Bersama dengan secepat mungkin.

Perbincangan yang telah dijalankan bawah naungan UNCTAD di Geneva semenjak tahun 1976 pula telah berjaya menghasilkan Perjanjian Antarabangsa untuk menstabilkan harga Getah Asli. Dengan ini sektor getah bolehlah mengharapkan satu masa depan yang cerah lebih-lebih lagi dengan ramalan bahawa permintaan dunia untuk getah dijangka melebihi pengeluaran dalam tahun-tahun yang akan datang ini.

Mengenai timah pula, Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif di dalam perundingan-perundingan Majlis Timah Antarabangsa bagi mendapatkan jarak harga (price range) yang berpatutan, selaras dengan peningkatan kos pengeluaran. Malaysia juga memegang teraju di antara negara-negara pengeluar di dalam usaha-usaha untuk menggubal Perjanjian Timah Antarabangsa Kenam.

Tuan Pengerusi, seperti yang telah saya katakan tadi, Kementerian saya tidak hanya menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan di luar negeri sahaja, malah keutamaan yang lebih kalau tidak sama diberikan kepada usaha-usaha di dalam negeri ke arah memajukan bahan-bahan utama kita. Kerja-kerja persiapan terakhir sedang giat dijalankan oleh Kementerian ini untuk menubuhkan pasaran barangan utama di Malaysia. Pasaran ini dijangka memulakan operasinya selepas berkuatkuasanya Akta Dagangan Komoditi 1979 yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen ini. Dalam hal ini, Kementerian saya memainkan peranan penting dalam memberikan bimbingan kepada sektor swasta untuk menubuhkan satu Syarikat Kuala Lumpur Commodity Exchange dan juga sebuah syarikat usahasama Kuala Lumpur Clearing House yang akan mengendalikan segala usaha dan perniagaan dalam pasaran futures bagi bahan utama dalam negara kita. Dalam hubungan ini Kementerian saya juga akan terlibat secara langsung dalam kerja-kerja Majlis Dagangan Komoditi (Commodities Trading Council) yang akan mengandungi wakil-wakil Kerajaan dan sektor swasta. Majlis ini adalah bertanggungjawab atas pengawasan perniagaan "futures" pada keseluruhannya dan akan melancarkan pendaftaran semua peniaga "commodity futures" dan juga wakil-wakil peniaga tersebut. Ini adalah penting dalam mengawal kegiatan mereka bagi menentukan satu iklim perniagaan "futures" yang sihat di negara ini. Selain dari itu, Kementerian saya akan melaksanakan kerja-kerja lanjut bagi memperkenalkan Pasaran Komoditi ini di Kuala Lumpur di kalangan peniaga-peniaga tempatan dan juga antarabangsa dan seterusnya memajukan pasaran tersebut dengan menambahkan lagi dagangan "futures contract" untuk bahan-bahan lain seperti timah, koko, lada hitam.

Sesuai dengan perkembangan pesat industri minyak kelapa sawit di negara ini, adalah amat perlu diadakan peraturan dan garis panduan untuk mengelak berlakunya amalan-amalan yang tidak diingini dalam perusahaan tersebut. Kementerian saya melalui Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) telah dalam tahun ini mula mendaftar dan melesen semua pihak yang terlibat dalam perdagangan minyak kelapa sawit. Lembaga ini akan terus me-

mainkan peranan yang lebih aktif di dalam memesatkan lagi kemajuan pemasaran minyak kelapa sawit dalam tahun 1980.

Dengan menyedari tentang persaingan yang dihadapi oleh minyak kelapa sawit dari lain-lain jenis minyak sayuran dan lemak, Kerajaan telah menubuhkan pada 15hb Mei, 1979 satu Institiut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM). Institiut ini akan menumpukan perhatian ke arah meningkatkan lagi kualiti minyak kelapa sawit di samping mencari lain-lain kegunaan akhir bagi bahan itu. Dengan yang demikian adalah diharapkan bahawa negara ini dapat mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia.

Tuan Pengerusi, sebuah Kanun Galian Negara yang bertujuan mensekukan dan menyelaraskan undang-undang galian yang terdapat di negara ini sudah hampir siap digubal. Kementerian saya kini sedang menggubal satu dasar mineral negara dengan tujuan menentukan arah dan matlamat perusahaan perlombongan di negara ini. Telah tiba masanya bagi negara memperbagaikan perusahaan perlombongan dan tidak hanya bergantung kepada timah semata-mata.

Saya telah menyentuh secara am aktiviti-aktiviti Jabatan dan Lembaga di Kementerian saya, dan sekarang sukalah saya memberi sedikit sebanyak ulasan mengenai perkembangan 4 bahan utama yang penting.

1. *Getah*

Pengeluaran getah bagi enam bulan pertama tahun 1979 adalah sebanyak 723,391 tan metrik berbanding dengan pengeluaran sebanyak 712,256 tan metrik pada masa yang sama dalam tahun 1978. Pertambahan dalam pengeluaran ini telah juga meningkatkan pertambahan dalam eksport bahan ini daripada 795,301 tan metrik pada enam bulan pertama tahun 1978 kepada 834,284 tan metrik bagi tempoh yang sama tahun ini.

Harga purata getah bagi enam bulan pertama tahun ini telah meningkat kepada 264.63 sen sekilo, melebihi harga purata pada jangka waktu yang sama tahun lalu iaitu 208.90 sen sekilo. Ini disebabkan oleh minat membeli yang kuat terutama dari USSR, China, Jepun dan India selain dari pasaran-pasaran tradisional terutamanya akibat dari spekulasi yang kuat terhadap implikasi konflik di Indo-China serta persetujuan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa mengenai Skim

Pengstabilan Harga Getah yang dirundingkan di masa itu. Di samping itu pengaruh dan masalah kekurangan petroleum dan masalah kekurangan bekalan getah asli juga bersama-sama mendorong permintaan yang bertambah terhadap getah asli kita. Kedudukan harga getah dalam tahun 1980 adalah dijangka juga baik ekoran dari persetujuan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa mengenai Skim Pengstabilan Harga Getah yang telah dicapai baru-baru ini.

2. *Timah*

Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama di dunia. Jumlah pengeluaran timah bagi 6 bulan pertama tahun 1979 ialah 31,491 tan metrik, berbanding dengan 30,355 tan metrik dalam tempoh masa yang sama tahun 1978. Ini adalah merupakan satu peningkatan sebanyak 3.74%.

Harga purata timah dalam masa 8 bulan pertama tahun ini adalah \$1,921 sepikul. Harga yang paling tinggi pernah dicapai ialah \$2,005 sepikul dalam bulan April yang lalu. Keadaan harga yang tinggi ini diramalkan akan stabil di paras tersebut dalam jangka-masa sederhana sahaja, sebab pengeluaran timah telah meningkat ke paras yang seimbang antara pengeluaran dan permintaan bagi seluruh dunia dan juga jikalau pihak Amerika Syarikat tidak akan menjualkan timah sejumlah 35,000 tan dari stockpilenya seperti yang dirancangan itu.

Jumlah eksport bijih timah pula untuk keseluruhan tahun 1979 dijangka meningkat kepada 73,000 tan metrik berbanding dengan 71,953 tan metrik dalam tahun 1978 kerana jumlah import bijih padat timah dari Australia untuk diproses dan dieksport semula terus dikekalkan.

3. *Minyak Kelapa Sawit*

Pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka akan bertambah sebanyak 9% dari 1,777,820 tan metrik dalam tahun 1978 kepada kira-kira 1,942,900 tan metrik dalam tahun 1979.

Eksport minyak kelapa sawit negara juga bertambah dari setahun ke setahun. Eksport dalam tahun 1978 adalah sebanyak 1,514,137 tan metrik berbanding dengan 1,385,040 tan metrik dalam tahun 1977. Angka ini dijangka meningkat kepada 1,750,000 tan metrik dalam tahun 1979. Industri penapis minyak kelapa sawit juga telah berkembang dengan pesat. Perkembangan yang pesat ini terbukti dengan

hakikat bahawa lima atau enam tahun sahaja selepas wujudnya industri itu, lebih daripada 80% eksport minyak kelapa sawit negara ini adalah dalam bentuk yang diproses dan ditapis sedangkan dalam tahun 1973 semua minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh negara ini telah dieksport dalam bentuk mentah. Dalam tahun 1978 eksport minyak kelapa sawit yang diproses adalah kira-kira 935,519 tan metrik yang dijangka meningkat kepada 1.2 juta tan metrik dalam tahun 1979. Ini jelas menunjukkan bahawa kita telah berjaya untuk memproses 80% daripada minyak mentah kelapa sawit kepada minyak yang diproses selaras dengan dasar Kerajaan kita untuk memproseskan bahan-bahan utama sebelum dieksport ke luar negeri.

4. Balak dan Kayu Gergaji

Pengeluaran kayu balak Malaysia dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1979 ialah sebanyak 13.7 juta meter padu, iaitu bertambah sebanyak 0.2 juta meter padu berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1978. Pertambahan ini disebabkan terutamanya oleh pembelian kayu balak yang tinggi oleh negara Jepun. Pengeluaran kayu gergaji dalam tahun 1979 ditaksirkan sebanyak 6.6 juta meter padu berbanding dengan 5.8 juta meter padu dalam tahun 1978.

Hasil pendapatan dari eksport kayu balak, kayu gergaji, veniar dan papan lapis berjumlah \$2,026.4 juta dari bulan Januari-Jun, 1979 berbanding dengan \$1,170.0 juta dalam tahun 1978 (kenaikan sebanyak 73%). Semua barangan dalam kumpulan ini menunjukkan "prestasi" yang baik dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1979. Kenaikan pendapatan eksport ini adalah disebabkan oleh kenaikan volume yang dieksport dan juga kenaikan harga. Ini adalah disebabkan oleh permintaan tempatan dan luar terutamanya daripada negara Jepun dan Eropah telah bertambah. Hasil eksport kayu balak dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1979 ialah \$1,302.9 juta iaitu satu pertambahan sebanyak 74%. Hasil eksport kayu gergaji pula, bagi tempoh yang sama ialah \$572.6 juta. Ini adalah satu pertambahan sebanyak 77% apabila dibandingkan dengan hasil bagi tempoh yang sama tahun 1978. Seterusnya hasil eksport papan lapis juga telah meningkat sebanyak 59% kepada \$1364 juta sementara hasil eksport veniar pula telah meningkat sebanyak 38% kepada \$14.5 juta. Permintaan bagi kesemua hasil barangan tersebut ini

telah meningkat bagi awal tahun 1979 dan dijangka volume yang dieksport dan juga harga akan terus baik dalam keseluruhan tahun 1979 ini.

Tuan Pengerusi, kita telah mencapai berbagai kejayaan dalam tahun 1979 dan bagi mencapai matlamat-matlamat yang saya sebutkan tadi, Kementerian saya memerlukan Belanja Mengurus sebanyak \$24,098,400 di bawah Maksud Bekalan B. 23 Anggaran ini bolehlah dipecahkan mengikut aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Penyelidikan dan Perancangan sebanyak \$1,700,998.
- (b) Kemajuan Perusahaan Barangan Utama sebanyak \$3,883,823.
- (c) Perhutanan sebanyak \$8,008,057.
- (d) Galian sebanyak \$3,519,194.
- (e) Penyiasatan Kajibumi sebanyak \$6,986,328.

Jumlah Belanja Mengurus bagi tahun 1980 adalah melebihi peruntukan tahun 1979 sebanyak \$1,379,800 ataupun 6.1%. Daripada jumlah ini sebanyak 63.1% ataupun \$15,203,475 adalah diperuntukkan bagi pembayaran emolumen pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini, sementara sebanyak \$4,980,739 ataupun 20.7% diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan. Sebanyak \$1,008,870 juga diperlukan untuk pemilikan harta modal. Bakinya berjumlah \$2,905,316 ataupun 12.1% adalah dikehendaki untuk pemberian dan penganan bayaran tetap. Ini termasuklah sumbangan-sumbangan kepada badan-badan antarabangsa.

Belanja Pembangunan

Tuan Pengerusi, Anggaran Pembangunan yang diperlukan oleh Kementerian saya pada tahun 1980 ialah sebanyak \$50,509,647. Jumlah ini adalah melebihi sebanyak \$30,098,427 daripada peruntukan tahun lalu. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh beberapa projek baru yang diluluskan oleh Kerajaan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Aktiviti-aktiviti yang dibiayai daripada Belanja Pembangunan Kementerian saya adalah seperti berikut:

- (a) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MARDEC) ... \$ 2,194,000
- (b) Rancangan Penanaman Semula Nenas 4,917,992
- (c) Lembaga Tembakau Negara ... 3,862,965

(d) Pusat Penyelidikan Kelapa-sawit	\$ 4,042,275
(e) Perhutanan Semenanjung ...	19,415,186
(f) Perhutanan Sarawak ...	1,988,569
(g) Penyiasatan Kajibumi Semenanjung	10,113,886
(h) Penyiasatan Kajibumi Sarawak	1,211,840
(i) Penyiasatan Kajibumi Sabah	427,563
(j) Galian	2,290,371
Jumlah Besar ...	<u>\$50,509,647</u>

Keterangan ringkas mengenai projek-projek pembangunan adalah seperti berikut:

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC)

Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad atau MARDEC memerlukan peruntukan sebanyak \$2,194,000 dalam tahun 1980 bagi melaksanakan projek-projeknya. Darpada jumlah ini sebanyak \$1,234,000 akan digunakan bagi mengubahsuai kilang-kilang SMR yang sedia ada sekarang. Manakala bakinya berjumlah \$960,000 pula dikehendaki bagi maksud usahasama. MARDEC tidak ada cadangan untuk menambahkan kilang-kilang SMR dalam tahun 1980. Ianya akan mempergiatkan lagi usaha-usaha meninggikan pengeluaran dan mengurangkan kos bagi 15 kilang getah SMR yang ada sekarang ini.

Rancangan Penanaman Semula Nenas

Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu memerlukan sebanyak \$4,917,992 bagi meneruskan kegiatan tanam semula nenas dalam tahun 1980. Sebanyak \$897,992 adalah dikehendaki sebagai Belanja Mengurus, sementara bakinya berjumlah \$4,040,000 adalah untuk Belanja Pembangunan. Matlamat Rancangan Tanam Semula Nenas bagi tahun 1980 ialah seluas 4,800 ekar yang mana seluas 3,000 ekar adalah bagi tanaman semula pusingan pertama manakala seluas 1,800 ekar adalah untuk pusingan kedua. Matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah seluas 18,000 ekar dan setakat ini kira-kira 55.2% ataupun 9,936 ekar telah ditanam semula.

Lembaga Tembakau Negara

Sejumlah \$3,862,965 adalah dikehendaki oleh Lembaga ini bagi melaksanakan aktiviti dan programnya. Darpada jumlah ini \$2,346,965 akan digunakan untuk Belanja

Mengurus Sementara \$1,516,000 pula diperlukan untuk Belanja Pembangunan. Antara lain projek-projek yang akan dilaksanakan oleh Lembaga ialah pembinaan bangunan-bangunan pejabat cawangan; projek kemajuan tani dan mengadakan skim-skim untuk meningkatkan lagi pengeluaran dan mutu dan pemasaran yang lebih cekap lagi.

Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit (PORIM)

Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit memerlukan sebanyak \$4,042,275 dalam tahun 1980. Jumlah ini adalah untuk pembinaan ibu pejabat, makmal dan setesyen tertentu pusat tersebut. Instituti ini akan menjalankan penyelidikan-penyelidikan terutamanya di bidang kegunaan akhir minyak kelapa sawit. Tumpuan juga akan diberikan terhadap aspek-aspek agronomi dan pencemaran alam akibat daripada kilang-kilang perusahaan kelapa sawit.

Perhutanan Semenanjung Malaysia

Untuk membangun dan memajukan sektor perhutanan, Kementerian saya berkehendaki peruntukan sebanyak \$19,415,186 bagi tahun 1980. Kementerian, melalui Jabatan Perhutanan akan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti sebagai persediaan untuk program-program pembangunan sektor perhutanan yang dinamis yang akan dilancarkan melalui Rancangan Malaysia Keempat. Antara lain, projek yang akan dilaksanakan ialah rawatan "Timber Stand Improvement" ke atas kawasan seluas 100,000 ekar dan penubuhan ladang hutan dari jenis-jenis yang cepat tumbuh ke atas kawasan seluas kira-kira 1,500 ekar.

Satu lagi bidang kerja penting yang akan diteruskan ialah pengumpulan maklumat dan data serta pengurusan "Malaysian Economic Model" yang akan menjadi alat utama dalam perancangan strategi pembangunan perhutanan Semenanjung Malaysia. Di bidang penyelidikan pula, Instituti Penyelidikan Perhutanan akan menumpukan usaha kepada penyelidikan silvikalcar hutan bukit, ladang hutan, "agro-forestry" serta penyelidikan terhadap kegunaan raja-raja kayu, balak kecil dan kayu getah.

Perhutanan Sarawak

Bagi negeri Sarawak pula, sebanyak \$1,988,569 adalah diperlukan untuk pelaksanaan Projek-projek perhutannya. Jumlah ini adalah untuk pembinaan infrastruktur,

pembelian alat-alat kelengkapan dan juga untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang bersangkutan dengan projek-projek tertentu seperti belanja perkhidmatan dan perjalanan.

Penyiasatan Kajibumi

Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi tujuan Penyiasatan Kajibumi dalam tahun 1980 ialah sebanyak \$11,798,289. Pecahan bagi jumlah ini adalah seperti berikut :

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 19hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.